

**PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA SECARA
MUAFAKAT DI DAERAH PASIR MAS,
KELANTAN**

MOHD LUTFI BIN OMAR

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2012**

**PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA SECARA
MUAFAKAT DI DAERAH PASIR MAS,
KELANTAN**

MOHD LUTFI BIN OMAR

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2012**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **MOHD LUTFI BIN OMAR**

(No. K.P/Pasport: **660131-03-5515**)

No. Pendaftaran/Matrik: **IGA 040047**

Nama Ijazah: **SARJANA SYARIAH (KURSUS DAN DISERTASI)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA SECARA MUAFAKAT DI DAERAH PASIR MAS,
KELANTAN**

Bidang Penyelidikan: **FIQH MAWARITH**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Penulisan ini merupakan satu kajian berkaitan amalan pembahagian harta pusaka secara muafakat dalam kalangan masyarakat Islam Daerah Pasir Mas. Antara objektif kajian ini dilakukan ialah untuk mengukur tahap pemahaman masyarakat Islam di daerah tersebut berkenaan dengan konsep harta pusaka dan pembahagiannya, mengkaji adakah wujud hubungan yang signifikan antara pemahaman terhadap konsep harta pusaka dan kaedah pembahagian dengan latar belakang mereka serta untuk mengetahui sama ada wujud atau tidak hubungan yang signifikan antara faktor pemilihan kaedah tersebut dengan latar belakang mereka. Bagi mencapai objektif di atas, metode soal selidik telah digunakan. Sebanyak 24 soalan kaji selidik telah dikemukakan kepada 201 responden yang terlibat secara langsung dalam pembahagian harta pusaka secara muafakat. Hasil kajian menunjukkan pemahaman masyarakat Islam Daerah Pasir Mas tentang konsep harta pusaka dan pembahagiannya berada di tahap yang tinggi. Kajian ini juga menunjukkan hanya tahap umur dan status perkahwinan mempengaruhi pemahaman mereka terhadap harta pusaka dan pembahagiannya. Di samping itu hasil kajian turut membuktikan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara faktor-faktor pemilihan kaedah pembahagian harta pusaka secara muafakat dengan latar belakang masyarakat Islam Daerah Pasir Mas.

ABSTRACT

This writing relates to a study on the practice of estate distribution according to mutual agreement among the Muslims in the District of Pasir Mas, Kelantan. The objectives of the research are, *inter alia*, to determine the level of understanding among the Muslims in that District relating to the concept of estate and its distribution, to examine whether there exist significant relationship between the understanding towards the concept of estate and the modes of estate distribution with their background and to ascertain whether there exist significant relationship between the factors for the choice of distribution modes with their background. In order to achieve the above objectives, questionnaire method has been adapted. 24 questionnaires have been posed to 201 respondents who are directly involved in the estate distribution by mutual agreement. The outcome of the research shows that the understanding of the Muslims in the District of Pasir Mas relating to the concept of estate and its distribution is at a high level. The research also shows that only the age and marital status influence their understanding towards the estate and its distribution. Besides, the research outcome also proves that there is no significant relationship between the factors for choosing the mode of estate distribution according to mutual agreement with the background of Muslims in Pasir Mas District.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, penulis merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas kurniaan nikmat yang terbesar iaitu Iman dan Islam. Dengan pertolongan dan keizinanNya juga yang membolehkan penulis menyiapkan penyelidikan ini. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan para sahabat Baginda.

Setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada **Prof. Madya Dr.Raihanah Hj Azahari**, Mantan Timbalan Pengarah Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, merangkap penyelia tesis ini. Nasihat dan sokongan beliau menambahkan lagi keyakinan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Begitu juga dengan **Prof Madya Dr. Shamsiah Mohamad** yang membantu menyelia disertasi ini, Segala kritikan dan teguran yang diberi akan dijadikan landasan dalam menampung segala kelemahan dan memperbetulkan kesalahan dan kesilapan. Semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran yang setimpal dengan segala tunjuk ajar yang dicurahkan.

Penulis juga merakamkan ribuan terima kasih kepada **Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid** , Mantan Pengarah Akademi Pengajian Islam dan seluruh warga akademi yang banyak memberikan sumbangan dan pengajaran sepanjang kursus sarjana yang diikuti. Seterusnya para tenaga kerja bahagian pengurusan Akademi Pengajian Islam dan warga Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kelantan yang turut serta membantu penulis dalam menjalankan penyelidikan ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, terutama Ustaz Ghazali, Ustaz Zamri, Ustaz Hanafi dan Ustaz Azli, terima kasih di atas sokongan dan nasihat yang

diberikan. Kemesraan kita bersama sepanjang pengajian akan terpahat dalam ingatan yang akan menjadi memori indah di waktu kesepian.

Di kesempatan ini juga, diluahkan sanjungan yang tidak terhingga kepada **Ayahanda dan Bonda (Allahyarhamah)**. Tanpa kalian berdua, siapalah diri ini. Terima kasih kepada **Mertua** yang telah banyak berkorban. Tidak lupa juga buat semua **Keluarga**, mudah-mudahan kejayaan ini menjadi kenangan manis dalam keluarga kita.

Akhir sekali buat yang teristimewa, isteri tercinta **Almi Hidayah Bt Halim (Bonda kepada Mohd Hilmi (Allahyarham), Muhammad Afiq, Muhammad Aniq, Iman Amalin dan anak-anak yang bakal dilahirkan)**. Terima kasih di atas sokongan dan kesabaran. Segala jasa dan pengorbananmu dipersembahkan ke Hadrat Allah S.W.T. untuk ganjarannya.

Sebagai penutup, keampunan dipohonkan kepada yang Maha Esa di atas segala kesalahan dan kesilapan yang disengaja atau tidak disengajakan oleh penulis sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Semoga segala usaha yang dicurahkan mendapat rahmat dan keberkatan daripadaNya.

MOHD LUTFI OMAR
PT 11, TMN. HIDAYAH,
LEMAL, 17000, PASIR MAS
KELANTAN DARUL NAIM.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Pengakuan Keaslian	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	viii
Senarai Jadual	xi
Jadual Transliterasi	xii
Senarai Lampiran	xiv

BAB PERTAMA PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Masalah Kajian	4
1.4 Tempat Kajian	
1.4.1 Lokasi	5
1.4.2 Topografi	6
1.4.3 Keluasan	6
1.4.4 Sejarah Kedatangan Islam di Pasir Mas	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Huraian Istilah	11
1.10 Pengertian Tajuk	12
1.11 Metodologi Penyelidikan	13
1.11.1 Metode Pengumpulan Data	13
1.11.2 Metode Analisis Data	16
1.12 Ulasan Kajian Lepas	21

BAB KEDUA
PEMBAHAGIAN DAN PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI DAERAH PASIR MAS

2.1	Pendahuluan	27
2.2	Definisi Harta Pusaka	27
2.3	Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Menerusi Faraid	29
2.3.1	Rukun dan Sebab Mempusakai Dalam Pelaksanaan Faraid	31
2.3.2	Jenis-Jenis Ahli Waris Dalam Faraid	32
2.4	Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Menerusi Muafakat	33
2.4.1	Pembahagian cara Muafakat Mengikut Konsep Takharuj	36
2.5	Pengurusan Harta Pusaka di Daerah Pasir Mas	40
2.5.1	Pengurusan Harta Pusaka Biasa	41
2.5.2	Pengurusan Harta Pusaka Ringkas	42
2.5.3	Pengurusan Harta Pusaka Kecil	43
2.6	Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Daerah Pasir Mas	44
2.7	Kesimpulan	59

BAB KETIGA
ANALISIS KAJIAN

3.1	Pengenalan	60
3.2	Latar belakang Responden	61
3.3	Keputusan Taburan Frekuensi	63
3.3.1	Pemahaman Masyarakat Terhadap Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya	63
3.4	Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2)	66
3.4.1	Hubungan Antara Pemahaman Masyarakat Pasir Mas Terhadap Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya dengan Jantina, Umur, Status, Tahap Pendidikan, Pekerjaan dan Pendapatan	67
3.5	Faktor-faktor Pemilihan Kaedah Secara Muafakat Ahli Waris	68

BAB KEEMPAT

RUMUSAN

4.1	Pengenalan	72
4.2	Ringkasan Kajian	72
4.3	Tahap Pemahaman Masyarakat Tentang Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya	73
4.4	Hubungan Antara Pemahaman Masyarakat Terhadap Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya dengan Latar Belakang Responden	74
4.5	Faktor-faktor Pemilihan Kaedah Secara Muafakat Ahli Waris	75
4.6	Kesimpulan	76
 BIBLIOGRAFI		77

SENARAI JADUAL

No Jadual	Tajuk jadual	Halaman
1.1	Pecahan Keluasan Mengikut Daerah dan Mukim-mukim dalam daerah Pasir Mas	7
1.2	Kandungan Soal Selidik	15
3.1	Latar belakang Responden	62
3.2	Pemahaman Masyarakat Terhadap Harta Pusaka dan Pembahagiannya	64
3.3	Pemahaman Masyarakat Terhadap item-item “Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya”	65
3.4	Hubungan Antara Pemahaman Masyarakat Pasir Mas Terhadap Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya dengan Latar belakang mereka	68
3.5	Tahap Persetujuan Pemilihan Kaedah Muafakat Ahli Waris	69
3.6	Faktor Pemilihan Kaedah Permuafakatan Ahli Waris	70

JADUAL TRANSLITERASI

EJAAN

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab dieja mengikut Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi terbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya tahun 2006.

i. KONSONAN

Huruf Hija'yyah	Huruf Rumi	Huruf Hija'yyah	Huruf Rumi
ا، ؤ	'a	ط	ṭ
ب	B	ظ	ẓ
ت	T	ع	‘
ث	Th	خ	Gh
ج	J	ف	F
ح	ḥ	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	I
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	ه	H
س	S	و	W
ش	Sh	ي	Y
ص	ṣ	ة	H
ض	ḍ		

ii. VOKAL DAN DIFTONG

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi	Diftong	Transliterasi
—	a	ī	ā	ə_ó	Aw
—	i	ī	ī	ī_ó	Ay
—	u	ū	ū		

iii. EJAAN DAN TRANSLITERASI

- i. Ejaan akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ ﴿ ” (Ta` Marbutah) dieja mengikut sebutan “ ﴿ ”
- ii. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh: sur`ah (سُرْعَةٌ)
- iii. Alif Lam ditransliterasi sebagai al (samada bagi Lam Syamsiyah atau Qamariyyah) yang dihubung dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam al tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia. Semua perkataan Arab/Inggeris (bahasa asing) hendaklah ditalickan kecuali nama khas.

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A** : Borang Soal selidik
- Lampiran B** : Borang Pembahagian Harta Pusaka
- Lampiran C** : Nota Perbicaraan
- Lampiran D** : Perintah Pembahagian

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam adalah ‘al-din’ iaitu agama yang merangkumi bukan sahaja ibadat khusus, tetapi juga suatu sistem hidup yang lengkap merangkumi bidang-bidang lain seperti muamalat, sistem sosial dan sistem politik. Agama Islam merupakan suatu sistem hidup yang lengkap bagi semua urusan kehidupan manusia. Islam telah menggariskan kepada manusia beberapa persoalan tentang keimanan dan akidah, hubungan manusia dengan tuhan, hubungan manusia sesama manusia, bahkan hubungan manusia dengan persekitaran supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan sebaik mungkin, di samping melaksanakan amanah-amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah dengan sempurna. Kerana keunikannya, syariat Islam mampu memenuhi seluruh keperluan manusia serta mampu menyediakan suatu jaminan kebahagiaan dunia dan akhirat kepada mereka yang berpegang teguh pada ajarannya. Dalam aspek hubungan manusia sesama manusia, sistem pusaka Islam adalah antara salah satu amalan yang patut diamal serta diberikan keutamaan oleh umat Islam dari masa ke semasa. Ini bagi menjamin kemaslahatan umat Islam berkembang maju dan terpelihara hingga ke akhirnya.¹

Sistem pusaka Islam bukan sahaja memperteguhkan ikatan kekeluargaan dan mengeratkan kerjasama dalam lingkungan keluarga secara turun temurun menerusi

¹ Mohd Zubir Hj. Awang (1992), *Penjelasan Isu-isu Agama dan Politik: Pengertian Negara Islam dan Negara Kafir*, Terengganu: Jabatan Kemajuan Agama Negeri, h. 5.

sistem perwarisan harta, tetapi juga ia boleh mendorong masing-masing penerima untuk bekerja keras memaju dan mempertahankan keutuhan harta pusaka sebagai jaminan ekonomi dan ikatan hubungan mereka.²

Hukum pusaka Islam adalah satu cabang khusus daripada hukum kekeluargaan Islam. Ianya merupakan perbincangan yang melibatkan urusan penurunan harta selepas kematian seseorang kepada ahli waris yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya. Hubungan tersebut berasaskan kepada hubungan perkahwinan dan keturunan. Asas kepada hukum pusaka Islam telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dengan terperinci dan diterangkan oleh hadis-hadis Rasulullah SAW. Agama Islam sangat menitikberatkan kaedah-kaedah pembahagian harta pusaka.³ Pembahagian Harta Pusaka memainkan peranan penting dalam memastikan ahli-ahli waris mendapat hak-hak mereka secara adil dan saksama. Pembahagian harta pusaka juga berperanan dalam membentuk muslim bersikap jujur dan terbuka terhadap hak masing-masing. Amalan pembahagian harta pusaka secara umumnya dapat didefinisikan sebagai satu proses perlaksanaan hak secara sempurna, sama ada mengikut permuafakatan ahli waris, hibah, atau sistem faraid⁴.

² Abdul Rashid Hj. Abdul Latif (2007), *Undang-undang Pusaka dalam Islam*: Suatu kajian Perbandingan, Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Hidayah, h. 2.

³ Mohd. Ridzuan Awang (2008), *Isu-isu Keadilan dalam Pengagihan Harta Pusaka*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 10.

⁴ Al-Zuhaili, Wahbah (2011), *Hukum Harta dan Pusaka Ilmu Faraid*, Abdul Rahman Mohd Adil (Terj.), Johor Bahru: Pustaka Azhar, h. 1.

1.2 Latar Belakang Kajian

Apabila berlakunya kematian seseorang, segala harta peninggalannya hendaklah diurus dan dibahagikan kepada ahli-ahli warisnya. Sebelum harta tersebut dibahagikan kepada ahli waris, perkara-perkara yang tertakluk dengan harta itu mestilah diselesaikan terlebih dahulu seperti pengurusan jenazah, pembayaran hutang, penunaian wasiat dan sebagainya. Setelah semua urusan yang berkaitan dengan harta peninggalan itu diselesaikan, maka baki daripada harta peninggalan tersebut hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak. Inilah antara kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan harta pusaka. Penetapan kaedah ini adalah sejak daripada kedatangan Islam hingga sekarang.⁵

Islam adalah agama yang lengkap dalam setiap perkara dan merangkumi setiap aspek kehidupan. Islam adalah lambang keadilan dan sentiasa memandang serta menjamin hak perwarisan. Hak perwarisan mengenai harta pusaka orang-orang Islam telah pun ditentu dan disyariatkan oleh Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, didapati ramai dalam kalangan masyarakat Islam yang memilih kaedah permuafakatan antara ahli waris dalam menentukan pembahagian harta pusaka apabila berlakunya kematian, bukannya melalui kaedah faraid yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pembahagian secara muafakat, proses-proses yang perlu dilalui serta prosedur-prosedur yang mesti diikuti akan menjadi fokus utama dalam kajian ini.

⁵ Mohd. Ridzuan Awang (2008), *Isu-isu Keadilan dalam Pengagihan Harta Pusaka*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 25.

1.3 Masalah Kajian

Allah SWT telah mengajar manusia berkenaan dengan cara pembahagian harta pusaka apabila berlakunya sesuatu kematian. Perintah ini seperitimana yang tercatat dalam kitab suci Al-Quran iaitu melalui hukum Faraid. Agama Islam sangat mengambil berat supaya setiap orang Islam berusaha mempelajari hukum pusaka kerana diberikan ganjaran pahala yang setimpal dengannya.⁶ Sebagai pengikut Islam yang beriman dan patuh pada ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah SWT, maka semestinya menurut segala apa yang telah diperintahkan oleh Allah. Begitu juga dalam masalah pembahagian harta pusaka. Walau bagaimanapun boleh dikatakan kebanyakan masyarakat Islam yang terlibat dalam pengagihan harta pusaka tidak mengamalkan hukum faraid yang telah ditetapkan oleh syariat Islam dalam pembahagian harta pusaka apabila berlakunya sesuatu kematian. Adakah ini dikira melanggar syariat Islam ataupun dibenarkan dalam Islam apabila ramai dalam kalangan umat Islam memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam urusan pembahagian harta pusaka dan bukannya mengikut hukum faraid yang telah ditetapkan oleh Agama Islam. Adakah kaedah muafakat ahli waris yang digunakan dalam pembahagian harta pusaka difahami secara mendalam oleh waris yang terlibat ataupun hanya memenuhi keperluan pembahagian pusaka sahaja. Persoalan ini amat menarik untuk dikaji dengan mendalam lebih-lebih lagi adanya sebahagian masyarakat Islam yang tidak memahami terdapatnya kaedah lain selain daripada kaedah faraid yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

⁶ Abdul Rashid Hj.Abdul Latif, *op. cit.*, h. 4.

1.4 Tempat Kajian

1.4.1 Lokasi

Seperti yang kita ketahui, Kelantan merupakan salah sebuah negeri daripada 13 negeri yang terdapat di dalam Malaysia. Kelantan terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia. Lokasi Kelantan adalah bersempadan dengan empat wilayah iaitu Thailand (Pattani) di timur laut, Perak (Hulu Perak) di barat, Pahang (Kuala Lipis) di selatan dan Terengganu (barat) di timur atau tenggara. Negeri Kelantan mempunyai keluasan sebanyak 1,492,200 hektar. Jajahan Pasir Mas merupakan salah sebuah daerah daripada 10 jajahan yang terdapat dalam Negeri Kelantan. Ianya bersempadan dengan Jajahan Kota Bharu di sebelah timurnya dan Jajahan Tumpat di sebelah Utaranya. Ia juga bersempadan dengan Negara Thailand di sebelah Barat dan di sebelah Selatan bersempadan dengan Jajahan Tanah Merah. Seluas 3.9 Peratus keluasan Negeri Kelantan adalah keluasan Jajahan Pasir Mas atau 57,800 hektar.⁷ Sebelum Jajahan Pasir Mas diwujudkan ia merupakan sebahagian daripada Jajahan Kota Bharu. Pada tahun 1918 Jajahan Pasir Mas telah diasingkan dan diletakkan dibawah pentadbiran sendiri di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas. Daerah Pasir Mas dan Daerah Rantau Panjang adalah dua kawasan yang menjadi tumpuan utama penempatan penduduk di Jajahan Pasir Mas.⁸ Dua kawasan ini menjadi tumpuan kerana ianya merupakan pusat perniagaan yang mana terdapatnya pejabat-pejabat Kerajaan, Swasta dan juga pelbagai kemudahan-kemudahan lain di sekitarnya. Manakala penempatan di daerah-daerah lain kebanyakannya bertaburan berdasarkan kepada faktor-faktor ekonomi dan sosial

⁷ Alias Muhammad (1977), *Intelejensi Melayu Kelantan*, Kota Bharu: Nawi Book Store, h. 12.

⁸ *Ibid.*

yang terdapat di kawasan tersebut. Oleh kerana jumlah penduduknya adalah antara yang tertinggi di Kelantan dan majoriti masyarakatnya juga merupakan pengikut Agama Islam, pengkaji akan meneliti dengan lebih mendalam bagaimana gaya hidup masyarakat Islam di Daerah Pasir Mas Kelantan telah diguna pakai dalam menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka bagi Daerah tersebut.⁹

1.4.2 Topografi

Setelah mengkaji dengan terperinci, kajian ini mendapati bahawa hampir 85 peratus daripada keluasan Daerah Pasir Mas adalah terdiri daripada kawasan tanah rata. 15 peratus Daerah Pasir Mas adalah rendah dan berpaya. Hampir keseluruhan daerah Pasir Mas yang seluas 577.52 KM persegi ini sudah diterokai dan didiami oleh penduduk. Kebiasaan tanah di Daerah Pasir Mas ditanam dengan jenis tanaman pertanian seperti padi, getah dusun, sayur-sayuran dan sebagainya¹⁰.

1.4.3 Keluasan

Daerah Pasir Mas meliputi kawasan seluas 577.52 km persegi. Manakala seluas 139 km persegi terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Pasir Mas. Kawasan di luar Penguasa Tempatan ialah seluas 438.52 km persegi. Pasir Mas terbahagi kepada 10 Daerah, 48 Mukim Tanah dan 83 Mukim Penghulu. Keluasan mengikut daerah adalah seperti Jadual 1.1, yang mana menerangkan pecahan keluasan mengikut daerah dan mukim-mukim yang terdapat dalam daerah Pasir Mas.

⁹ *Ibid*, h. 14.

¹⁰ Mohamed Suhaimi Mostapar (2008), “Metode Pengajaran Fiqh di Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan” (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya), h. 3.

Jadual 1.1: Pecahan Keluasan Mengikut Daerah dan Mukim-mukim dalam Daerah Pasir Mas

Bil	Daerah Penggawa	Bil. Mukim Tanah	Bil. Mukim Penghulu	Luas (k.p.m)	% Keluasan
1.	Alor Pasir	4	6	38.56	6.68
2.	Kubang Gadong	8	13	55.86	9.67
3.	Rantau Panjang	4	6	93.37	16.16
4.	Gual Periok	3	9	118.74	20.56
5.	Kangkong	5	10	108.80	18.84
6.	Chetok	3	6	45.79	7.93
7.	Bunut Susu	9	11	38.43	6.65
8.	Kubang Sepat	5	9	21.71	3.76
9.	Pasir Mas	3	7	23.71	4.11
10.	Kuala Lemal	4	6	32.55	5.64

Sumber: Pejabat Tanah dan Jajahan Daerah Pasir Mas

Merujuk kepada sumber di atas, terdapat 10 Daerah Penggawa dalam jajahan Pasir Mas. Dua daerah yang menjadi tumpuan utama penduduk di Jajahan Pasir Mas ialah daerah Pasir Mas dan juga daerah Rantau Panjang. Dua kawasan ini menjadi tumpuan kerana ianya merupakan pusat perniagaan di mana terdapatnya pejabat-pejabat Kerajaan, Swasta, sekolah-sekolah dan juga pelbagai kemudahan-kemudahan lain di sekitar daerah tersebut.

1.4.4 Sejarah Kedatangan Islam Di Pasir Mas

Sejarah kedatangan Islam di Pasir Mas bermula dengan kedatangan Islam di Kelantan. Ketibaan dan perkembangan Islam yang awal di Kelantan mempengaruhi masyarakat Islam Pasir Mas. Islam telah bertapak kuat di Kelantan pada abad ke xiii masih lagi. Buktinya dari sekeping dinar emas yang dijumpai di Kelantan dalam tahun 1914 masih.

Kesimpulannya, Daerah Pasir Mas adalah sebuah daerah yang majoritinya adalah orang Islam. Manakala dari sudut pendidikan juga ianya semakin maju dan dengan sebab itu juga sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian seperti pondok dan sebagainya semakin bertambah seperti cendawan tumbuh. Sambutan seperti di tempat-tempat syarahan agama juga amat menggalakkan terutama dari golongan pertengahan umur 30-an ke atas. Justeru itu dari sudut pengamalan asas-asas agama seperti sembahyang, puasa, haji dan sebagainya bolehlah dikatakan hampir 80% melaksanakannya.

Walau bagaimanapun masih banyak lagi perkara-perkara lain yang perlu didedahkan kepada mereka di antaranya ialah kepentingan mengetahui berkenaan dengan pembahagian harta pusaka.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti proses dan prosedur yang perlu diikuti dalam urusan pembahagian harta pusaka kecil di Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas Kelantan, khususnya berkaitan dengan muafakat.
2. Mengukur sejauh mana tahap pemahaman masyarakat Islam Daerah Pasir Mas tentang konsep harta pusaka dan pembahagiannya.
3. Mengkaji sama ada wujud ataupun tidak hubungan yang signifikan antara pemahaman masyarakat Islam Daerah Pasir Mas terhadap harta pusaka serta pembahagiannya dengan latar belakang mereka.
4. Mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mendorong masyarakat Islam Daerah Pasir Mas memilih pembahagian harta pusaka secara muafakat.

1.6 Hipotesis Kajian

Penulis telah membuat hipotesis untuk dikaji berdasarkan faktor jantina, umur, sektor pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan. Hipotesis-hipotesis tersebut ialah:

1. Pemahaman masyarakat Islam terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya berada pada tahap yang tinggi.
2. Terdapatnya hubungan antara pemahaman terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya dengan jantina, umur, sektor pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan.
3. Wujudnya hubungan antara faktor pemilihan kaedah pembahagian secara muafakat dengan jantina, umur, sektor pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada sejauh mana kaedah permuafakatan ahli waris diguna pakai oleh masyarakat Islam di Daerah Pasir Mas dalam urusan pembahagian harta pusaka apabila berlakunya sesuatu kematian. Kajian ini dilakukan di Unit Penyelesaian Pusaka kecil yang bertempat di Daerah Pasir Mas yang hanya melibatkan nilai harta yang tidak melebihi RM 2,000,000.00 sahaja.

Kajian juga akan menyentuh tentang sebab-sebab pemilihan kaedah secara muafakat ahli waris yang diguna pakai oleh masyarakat Islam Daerah Pasir Mas

dalam pembahagian harta pusaka kecil. Kajian akan dilengkapkan lagi dengan meneliti prosedur dan proses yang perlu dilalui ketika permohonan dibuat hingga kepada perbicaraan serta perintah pembahagian.

Bagi melengkapkan lagi penyelidikan yang dijalankan, penulis telah memilih masyarakat Islam di Daerah Pasir Mas sebagai sampel kajian. Bagi tujuan tersebut, penulis mendapatkan data-data responden di Unit Penyelesaian Pusaka kecil Daerah Pasir Mas yang terlibat secara langsung dalam pembahagian harta pusaka secara permuafakatan ahli waris.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari beberapa sudut iaitu:

- i. Memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya di Daerah Pasir Mas tentang kepentingan menyegerakan pembahagian harta pusaka apabila berlakunya sesuatu kematian dan ianya perlu dilakukan secara adil dan saksama mengikut hukum-hukum Islam. Kajian ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya di Daerah Pasir Mas tentang kepentingan membahagikan harta pusaka dalam kalangan ahli waris apabila berlakunya kematian. Ini bertujuan mengelakkan daripada harta pusaka digunakan dengan cara yang salah serta melanggar hukum-hukum Islam sama ada secara sengaja ataupun tidak. Ini disebabkan masyarakat hari ini kurang memberi perhatian dalam masalah ini, mereka menganggap perkara ini tidaklah sepenting mengadakan kenduri arwah atau majlis tahlil. Namun perkaitan utama kepentingan kajian dengan objektif kajian yang dapat dilihat melalui proses

pembahagian harta pusaka melalui kaedah permuafakatan ahli waris ini lebih menjurus kepada permuafakatan antara ahli waris dan ianya lebih mudah diselesaikan tanpa mengenepikan hukum-hukum Islam.

- ii. Mengkaji dasar pemilihan kaedah pembahagian harta pusaka masyarakat Islam Pasir Mas. Adalah penting kepada penulis untuk mengkaji sejauh mana dasar yang digunakan oleh masyarakat Islam di Pasir Mas dalam menentukan kaedah pembahagian harta pusaka sama ada secara faraid atau secara muafakat antara ahli waris.
- iii. Sebagai pengetahuan serta rujukan kepada masyarakat untuk memahami dengan lebih lanjut lagi institusi yang terlibat dan peranannya dalam mengendalikan harta pusaka orang Islam khususnya mekanisme pembahagian secara muafakat.

1.9 Huraian Istilah

Sebelum penulis menjalankan kajian ini dengan lebih lanjut, terlebih dahulu perlulah difahami makna tajuk yang menjadi topik kajian. Penulis memilih tajuk “Pembahagian Harta Pusaka Secara Muafakat Di Daerah Pasir Mas, Kelantan”, adalah untuk melihat sejauh mana pembahagian harta pusaka kecil secara muafakat ini menjadi pilihan utama bagi masyarakat Islam di Daerah Pasir Mas dan bagaimana pula proses serta prosedur pembahagiannya yang perlu dilakukan mengikut hukum-hukum Islam dan ianya akan dihuraikan dalam bab-bab yang seterusnya secara lebih terperinci.

1.10 Pengertian Tajuk

Pembahagian

Pembahagian membawa maksud pengagihan, pemberian sesuatu barang kepada seseorang atau perihal membahagikan.¹¹

Harta

Ia merupakan barang-barang berharga yang dipunyai oleh seseorang seperti tanah, rumah emas dan lain-lain lagi.¹²

Pusaka

Segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia.¹³

Muafakat

Sesuatu yang dipersetujui atau perundingan serta bermesyuarat, setuju, seia dan sekata.¹⁴

¹¹ *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 104.

¹² *Ibid*, h. 517.

¹³ *Ibid*, h. 1254.

¹⁴ *Ibid*, h. 1045.

1.11 Metodologi Penyelidikan

Data merupakan sumber kajian yang paling penting dan utama di mana data ini ditentukan oleh objektif atau hipotesis yang mana ianya penting untuk menentukan pembolehubah yang sesuai bagi penyelesaian masalah kajian. Penentuan kaedah yang berkaitan atau bertepatan adalah penting bagi memperolehi data dan maklumat yang relevan dengan tajuk kajian. Kaedah ini mesti dipertimbangkan secara kritis dengan mengambil kira aspek masa kajian dan kemampuan penulis.

Dalam menyiapkan kajian ini, data-data yang berjaya dikumpul akan dianalisis supaya sesuai dengan tajuk yang dikaji.

1.11.1 Metode Pengumpulan Data

Maklumat-maklumat yang dikumpul mestilah mengambil kira dua aspek utama iaitu keesahan dan kebolehpercayaan yang mana kedua-dua aspek ini amat penting untuk menilai data yang diperolehi. Oleh itu, bagi mendapatkan maklumat secara terperinci tentang pembahagian pusaka Islam secara muafakat, penulis telah menggunakan metode perpustakaan, metode dokumentasi, metode temubual, metode pemerhatian dan metode kaji selidik terhadap responden yang terpilih.

a) Metode Perpustakaan

Untuk mendapat gambaran awal mengenai tajuk kajian ini, penulis mengumpul sebanyak mungkin data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Penulis telah

membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan dalam menyiapkan kajian ini. Rujukan yang dirujuk adalah seperti jurnal, majalah, kertas kerja seminar, latihan ilmiah, atau laporan tahunan. Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan dan tempat memperoleh maklumat yang berkaitan dengannya ialah seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.

b) Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan untuk proses pengumpulan data, maklumat dan fakta dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dokumen ini merupakan bahan bertulis yang dapat memberi maklumat lanjut dan pengetahuan yang diperlukan oleh penulis seperti fakta, statistik, rajah, simbol dan sebagainya. Maklumat ini diperolehi daripada al-Quran, kitab Hadith, kertas kerja seminar, latihan ilmiah, laporan tahunan, majalah, risalah, dokumen-dokumen dan data-data di Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan serta lain-lain yang berkaitan. Metode ini merupakan metod yang penting untuk mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat yang mencukupi dan tepat.

c) Metode Kaji Selidik

Soal selidik direka sendiri oleh penyelidik berpandukan kajian lepas, rangka kerja konsep dan objektif kajian. Soalan yang dikemukakan adalah ringkas, tepat dan

mudah difahami. Soal selidik lengkap adalah seperti di Lampiran A. Struktur soal selidik terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C.

Soalan dalam bahagian A melibatkan data nominal berkaitan latar belakang responden iaitu jantina, umur, status, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Dalam bahagian B dan C, data yang dikumpul berbentuk nisbah dan diukur dengan skala Likert berskala 1 hingga 5 iaitu dari sangat tidak setuju hingga sangat amat setuju. Kandungan soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 1.2

JADUAL 1.2 Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Konstruk yang Diukur	Bil. Item	Item
Bahagian A	Latarbelakang responden	6 item	1-6
Bahagian B	Konsep harta pusaka dan pembahagiannya	12 item	1-12
Bahagian C	Faktor-faktor pemilihan kaedah permuafakatan ahli waris	12 item	1-12

d) Metode Temu bual

Dalam kajian ini penulis juga akan membuat kaedah temu bual atau dikenali sebagai wawancara. Metode temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat kajian secara berdepan atau bersemuka dengan pihak responen. Di samping itu juga, tujuan temu bual ini adalah untuk memperbanyakkan data-data yang diperlukan dengan lebih terperinci dan juga untuk mendapat maklumat-maklumat lanjut mengenai pembahagian harta pusaka secara muafakat agar kajian ini akan menjadi satu kajian yang baik serta sumber rujukan kepada semua pihak yang ingin mengetahui pembahagian seperti ini. Metode temu bual ini dibuat antara Penulis dengan Pentadbir Tanah atau Pemungut, Pegawai dan Kakitangan di Pejabat Unit

Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas serta responden yang pernah terlibat secara langsung dengan pembahagian harta pusaka secara muafakat.

e) Metode Pemerhatian

Metode pemerhatian pula dibuat bagi melihat sendiri perjalanan prosedur permohonan yang didaftarkan, perbicaraan yang berjalan sehingga keputusan tersebut dibuat. Untuk itu, penulis memohon kebenaran secara rasmi daripada Pegawai Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas untuk membenarkan penulis menghadiri perbicaraan yang berlangsung. Ini membolehkan penulis melihat sendiri prosedur yang dijalankan oleh Pegawai Penyelesaian Pusaka dalam mengendalikan pembahagian harta pusaka.

1.11.2 Metode Analisis Data

a) Analisis Deskriptif

Borang-borang soal selidik yang lengkap, diproses dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Dalam kegiatan penyelidikan quantitatif, analisis diskriptif digunakan untuk menganalisis sampel kajian secara khusus di mana ia bukan bertujuan untuk mengaplikasi kes-kes kajian terhadap pihak lain secara menyeluruh. Data dianalisis untuk mendapatkan kekerapan, purata, peratus dan sebagainya bertujuan untuk menerangkan tahap pemahaman responden terhadap konsep pembahagian harta pusaka secara muafakat. Dengan itu, analisis deskriptif digunakan untuk melihat profil responden dari segi pemahaman

mereka terhadap pembahagian harta pusaka terutamanya dari segi taburan kekerapan dan peratus.

b) Analisis Crosstab

Kaedah crosstab digunakan untuk mengetahui hubungan antara pembolehubah diri responden dengan pembolehubah konsep harta pusaka dan pembahagiannya serta faktor-faktor pemilihan kaedah pembahagian harta pusaka secara muafakat. Tahap pengujian yang dijalankan ialah pada 0.05 (95 peratus selang keyakinan)¹⁵. Jika nilai khi kuasa dua (χ^2) yang dicatatkan berada di bawah 0.05, ini bermakna terdapat hubungan pada dua pembolehubah yang dikaji.

c) Analisis Varians (ANOVA)

Ujian Analisis Varians (ANOVA) digunakan untuk melihat hubungan antara latar belakang responden dengan tahap pemahaman tentang harta pusaka dan pembahagiannya serta faktor-faktor kenapa kaedah pembahagian secara muafakat dipilih. Dalam kaedah ini, tahap pengujian yang ditetapkan ialah pada paras keertian 0.05 (pada selang keyakinan 95%). Jika nilai yang dicatatkan adalah berada di bawah 0.05, ini bermakna terdapat hubungan antara kedua-duanya dengan latar belakang masing-masing.


Skala pengukuran yang digunakan untuk mentadbir soal selidik dan tujuan pengukuran terhadap isu-isu yang dikaji ini adalah menggunakan skala Likert yang

¹⁵ Levin, R. I. & Rubin, D. S (2000), *Statistik Untuk Pengurusan*, Susila Munisamy & Halimah Awang (terj), Petaling Jaya: Prentice Hall, h. 496-497.

diberi mata dari 1 hingga 5¹⁶ berdasarkan kepada tahap penerimaan responden terhadap isu-isu atau perkara yang dikaji. Pemberian skor mata adalah seperti berikut:

- 1 = Sangat Tidak Setuju
- 2 = Tidak Setuju
- 3 = Setuju
- 4 = Sangat Setuju
- 5 = Sangat Amat Setuju

Berdasarkan kepada mata skor yang digunakan, maka kepencongan ke kiri atau ke kanan sesuatu isu yang dikaji itu boleh dilihat dan dinilai. Jika purata mata yang dicatatkan berada di bawah 3 (sederhana setuju), ini menunjukkan bahawa kepencongan adalah ke kiri atau kurang bersetuju terhadap persoalan yang dikaji. Sebaliknya jika nilai purata yang dicatatkan berada di atas 3 (sederhana setuju), kepencongan adalah ke kanan atau ke arah yang lebih bersetuju terhadap isu-isu yang dikaji. Jika nilai yang dicatatkan itu berada di sekitar 3, maka ia berada pada tahap sederhana setuju.



Beberapa soalan akan digabungkan untuk mendapatkan gambaran secara keseluruhan terhadap sesuatu isu atau persoalan yang dikaji. Perjumlahan (*compute*)

¹⁶ Runyon, R. P & Andrey, H (1988), *Fundamental of Behavioral Statistics*, Sixth Edition, New York: Random House, h. 53-57, Lohman Brooks, R.S (1995), *Statistics in the Behavioral Sciences Conceptual Introduction*, Pacific Grove: Cole Publishing Company, h. 11, Bluman, A.G (1997), *Elementary Statistics: A Step by Step Approach*, Third Edition, Boston: McGraw-Hill, h. 23-34.

dilakukan adalah bertujuan untuk memberikan gambaran yang mudah dan cepat tentang kepencongan pemahaman masyarakat terhadap sesuatu isu yang dikaji secara keseluruhannya. Dalam menentukan tahap pemahaman responden terhadap sesuatu item, maka prosedur pengkelasan adalah berdasarkan nilai skor yang diperolehi. Kaedah pengkelasan yang digunakan adalah seperti prosedur berikut:

$$\text{Selang Kelas} = \frac{\text{Skor Maksimum} - \text{Skor Minimum}}{\text{Bilangan kelas yang dikehendaki}}$$

Contoh bagi soalan bahagian B berkenaan dengan konsep harta pusaka dan pembahagiannya, penentuan kelas bagi tahap pemahaman responden adalah ditentukan seperti berikut:

- i. Bilangan soalan ialah 12
- ii. Bilangan kelas yang dikehendaki ialah 5

Maka;

$$\text{Skor Maksimum} = 12 \times 5 = 60$$

$$\text{Skor Minimum} = 12 \times 1 = 12$$

Maka, Selang Kelas ialah:


$$\text{Selang Kelas} = \frac{\text{Skor Maksimum} - \text{Skor Minimum}}{\text{Bilangan kelas yang dikehendaki}}$$

$$\text{Selang Kelas} = \frac{60 - 12}{5} = 9.6$$

Maka tahap pemahaman responden terhadap konsep pembahagian harta pusaka boleh dikelaskan seperti di bawah:

Tahap Pemahaman Responden	Skor¹⁷
Sangat Tidak Setuju	12 hingga 21
Tidak Setuju	22 hingga 31
Setuju	32 hingga 41
Sangat Setuju	42 hingga 51
Sangat Amat Setuju	52 hingga 60

Berdasarkan tahap ini, maka kepencongan atau tahap sesuatu perkara itu boleh dinilai dengan menggunakan kekerapan, peratus serta purata mata keseluruhan. Jika kekerapan, peratus dan purata mata yang dicatatkan adalah besar bagi sesuatu item, maka secara umumnya tahap pemahaman responden adalah tinggi. Dalam kes konsep harta pusaka dan pembahagiannya, purata skornya adalah 43.94 sebagaimana yang diperolehi daripada analisis data, maka kepencongan penerimaan adalah berada dalam tahap sangat setuju seperti yang ditunjuk di bawah:



¹⁷ Menggunakan sedikit penyesuaian iaitu jumlah yang terdekat dengan 9.6 bagi mendapatkan pengelasan yang hampir seimbang

1.12 Ulasan Kajian Lepas

Banyak tulisan dan karya yang dihasilkan untuk menjelaskan kedudukan ilmu pusaka. Jika diteliti, terdapat dua bentuk pendekatan dalam konteks penulisan yang memberikan perhatian khusus terhadap senario pusaka di Malaysia. Pendekatan pertama membincangkan persoalan harta pusaka secara umum sebagaimana yang terkandung dalam kitab-kitab pusaka dan disertai dengan perbincangan-perbincangan ringkas isu-isu semasa yang melibatkan undang-undang pentadbiran pusaka. Beberapa hasil karya yang berkisar tentang pendekatan ini boleh didapati dalam tulisan Abdul Rashid Abdul Latif bertajuk *Undang-undang Pusaka Dalam Islam : Suatu Kajian Perbandingan*,¹⁸ Mohd Zamro Muda dan Mohd Ridzuan Awang bertajuk *Undang-undang Pusaka Islam : Pelaksanaan di Malaysia*,¹⁹ Abdul Halim Wan Harun berjudul *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*²⁰ dan Musa Fatullah Harun berjudul *Masalah Wasiat dan Faraid*.²¹

Pendekatan yang kedua pula lebih tertumpu pada isu-isu yang spesifik tentang pentadbiran, pengurusan serta cara-cara dan proses pembahagian harta pusaka di Malaysia. Penulisan ini berdasarkan kepada kajian-kajian dan penyelidikan yang dijalankan. Ianya boleh didapati dalam bentuk artikal jurnal dan tesis di peringkat Sarjana mahupun peringkat Ijazah Kedoktoran.

Berdasarkan kajian, persoalan mengenai keterbatasan bidang kuasa Mahkamah Syariah, sikap ahli waris yang tidak mahu memberikan kerjasama, tidak

¹⁸ Abdul Rashid Haji Abdul Latif (2007), c. 6. Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers

¹⁹ Mohd Zamro Muda dan Mohd Ridzuan Awang (2006), Bangi : Fakulti Pengajian Islam, UKM.

²⁰ Wan Abdul Halim Wan Harun (2006), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

²¹ Musa Fatullah Harun (1989), c. 1. Skudai : Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia.

berpaktat dan bermuafakat dalam melaksanakan pembahagian harta pusaka, menghilangkan bahan-bahan bukti dan kekurangan kefahaman tentang kepentingan pembahagian pusaka adalah faktor-faktor utama kes-kes pusaka tidak dapat diselesaikan.

Abdul Rashid Hj Abdul Latif menyimpulkan bahawa Hukum Pusaka Islam adalah suatu ilmu yang mengandungi asas dan peraturan-peraturan pembahagian harta yang lengkap dan kaya dengan berbagai penyelesaian yang diputuskan semenjak dari dulu lagi.²² Pada Pendapat Abdul Rashid Hj Abdul Latif, untuk mengatasi perbalahan dalam keluarga, penolakan dan salah sangkaan terhadap hukum pusaka serta memudahkan pemahaman dan perlaksanaannya maka perlulah hukum pusaka diperluas dan dipertingkatkan lagi pengajiannya kepada para cendikiawan Islam, pelajar-pelajar di Pusat Pengajian Tinggi, pegawai-pegawai pentadbir harta pusaka, penggubal-penggubal perundangan dan lain-lain lagi yang terlibat dengan penyelesaian harta pusaka.²³

Selain membincangkan tentang perkara asas dalam harta pusaka seperti golongan pewaris serta kedudukannya dalam pembahagian pusaka, syarat-syarat pewarisan harta, nas-nas serta pandangan Fuqaha', dalam bukunya *Undang-undang Pusaka Islam : Suatu Kajian Perbandingan*, Abdul Rashid Hj Abdul Latif turut memuatkan Konsep pembahagian secara muafakat dalam pembahagian harta pusaka orang-orang Islam tetapi perbincangan hanya menyentuh mengenai konsep *Takharuj* iaitu penarikan diri daripada menerima harta pusaka.²⁴

²² Abdul Rashid Hj. Abdul Latif, *op.cit.*, h.179.

²³ *Ibid.*

²⁴ Abdul Rashid Hj. Abdul Latif, *op.cit*, h. 162.

Menurut Abdul Rashid Hj Abdul Latif, pembahagian harta pusaka secara muafakat berlaku dalam kaedah *Takharuj* iaitu ahli waris bersetuju menarik diri daripada mengambil harta pusaka ataupun menolak pusaka tersebut dengan bayaran oleh ahli waris yang lain. Menurut beliau lagi penarikan diri daripada menerima harta pusaka berbeza-beza sama ada berlaku kepada sebahagian atau kesemua ahli waris, sama ada jumlah gantian yang dibayar kepada waris yang menarik diri tersebut diketahui nilainya dan sama ada pembayaran gantian kepada waris yang menarik diri tersebut diambil dari harta pusaka atau harta-harta yang lain.²⁵

Mohd Ridzuan Awang menegaskan dalam penulisannya, “ walaupun hukum-hukum tetap harta pusaka dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah, tetapi cara-cara pentadbirannya tidak dinyatakan secara terperinci.”²⁶ Oleh itu, sekiranya harta pusaka tidak ditadbir dan diuruskan dengan baik akan wujudlah kes-kes yang tidak dapat diselesaikan. Menurut Mohd Ridzuan Awang lagi, antara faktor utama kes pusaka tidak dapat diselesaikan ialah keterbatasan bidang kuasa Mahkamah Syariah serta pertindihan antara bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.²⁷

Walaupun telah banyak kajian dan seminar diadakan dipelbagai peringkat mengenai pengurusan dan pentadbiran pusaka, namun isu-isu kegagalan pentadbiran pusaka masih tinggi dan masalah ini diketahui umum. Kenyataan yang dibuat oleh seorang penulis peringkat Ijazah Kedoktoran, Zulkifli bin Mohammad perlu diberi perhatian. Beliau menyatakan “ Dewasa ini isu-isu tentang kegagalan tanah-tanah pusaka sering dipersoal, kegagalan membangun dan memajukan tanah-tanah pusaka

²⁵ *Ibid*

²⁶ Mohd Ridzuan Awang (1988), *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*. Selangor : al-Rahmaniah, h.4.

²⁷ Mohd Ridzuan Awang (1988), *op.cit.*, h.7.

akan menjadikan ahli waris tidak dapat menikmati sepenuhnya hasil yang ditinggalkan oleh si mati, malah negara juga turut menanggung kerugian akibat tanah-tanah pertanian yang subur di luar bandar tidak dapat diusahakan, tanah-tanah berpotensi untuk dibangunkan di bandar turut menjadi usang. Hal ini demikian kerana sebahagian besarnya berpunca daripada kegagalan pembahagian dan pentadbiran harta pusaka.”²⁸

Penulisan terbaru berkaitan perwarisan ialah oleh Jasni bin Sulong yang bertajuk *Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam* (2011). Jasni Sulong membicarakan beberapa pembaharuan berkaitan dengan undang-undang pentadbiran dan pengurusan pusaka Islam. Beliau menyarankan dalam hala tuju pembaharuan undang-undang pusaka Islam, perlu diasingkan bidang kuasa Islam dalam kedudukannya secara khusus. Hal ini bermakna, sebarang perkara yang berkaitan dengan hukum syarak mesti diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah perlu diperkasa sehingga ke peringkat persekutuan. Pada masa yang sama, sebuah Mahkamah Khas bagi pusaka Islam pada peringkat tertinggi hendaklah ditubuhkan bagi mendengar kes-kes rayuan iaitu hakim-hakimnya terdiri daripada kalangan yang mahir dalam hukum syarak dan undang-undang sivil.²⁹ Beliau juga ada menyentuh sedikit berkenaan dengan amalan pembahagian harta pusaka secara muafakat melalui kaedah *sulh* iaitu perdamaian , persepakatan dan permuafakatan dalam kalangan ahli waris bagi menyelesaikan sesuatu masalah secara aman.³⁰

²⁸ Zulkifli Mohammad (2010), “Penyelesaian Isu Harta Pusaka Tanah Rancangan Felda : Kajian Kes Felda Lurah Bilut, Pahang Darul Makmur ”, Tesis (Ph.D), Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.12.

²⁹ Jasni Sulong (2011), *Pembaharuan Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, h. 229

³⁰ *Ibid*, h. 124

Buku terbaru hasil penulisan Wan Abdul Halim Wan Harun yang bertajuk *Mengurus Harta Pusaka* (2011) yang memaparkan penulisan berdasarkan pengalaman beliau sebagai Pegawai Penyelesaian Pusaka yang dihadapi khususnya dari aspek pengiraan faraid mengikut hukum faraid. Antara topik yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah maklumat asas pembahagian harta pusaka, langkah awal ke arah pengurusan yang berkesan, tanggungjawab waris membahagikan harta pusaka dan juga tanggungjawab menyegerakan pembahagian harta pusaka. Buku ini secara tidak langsung membantu penulis dalam penyelidikannya kerana di dalamnya ada membincangkan tentang muafakat dan persepakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka melalui kaedah *Takharuj*.³¹

Wan Abdul Halim Wan Harun menegaskan dalam tulisannya bahawa amalan muafakat ketika pembahagian harta pusaka menggunakan konsep *Takharuj* adalah salah satu cara terbaik yang perlu diamalkan. Ia menggambarkan wujudnya sifat-sifat mulia dalam sesebuah keluarga seperti persefahaman, tolak ansur, semangat kekeluargaan dan perasaan kasih sayang. Bagi merealisasikan konsep permuafakatan ini dan mewujudkan suasana yang menyeronokkan, setiap ahli waris perlulah mempunyai sifat-sifat murni dan mudah untuk bertolak ansur.³²

Kesimpulannya, berdasarkan ulasan kajian yang lepas, penulis mendapati penulisan dan kajian-kajian yang telah dilakukan, sudah banyak menyentuh tentang pentadbiran harta pusaka terutama apabila ianya melibatkan masalah-masalah yang timbul daripada pentadbiran dan pengurusannya sendiri. Penulisan-penulisan yang lepas juga telah menyentuh sama ada secara langsung ataupun tidak langsung

³¹ Wan Abdul Halim Wan Harun (2011), *Mengurus Harta Pusaka*. Selangor : PTS Professional, h. 180

³² *Ibid*, h. 250.

masalah yang wujud dalam pentadbiran dan pengurusan harta pusaka. Kebanyakan penulis juga membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan harta pusaka antaranya tentang jenis-jenis harta pusaka, definisinya menurut Islam, pentadbiran dan pengurusannya menurut undang-undang dan lain-lain lagi seperti yang terdapat dalam kebanyakan penulisan yang berkaitan dengan harta pusaka.

Tetapi sehingga kini, penulis belum lagi menemui satu kajian yang khusus dan terperinci yang berkaitan dengan amalan pembahagian harta pusaka kecil masyarakat Islam menerusi kaedah muafakat ahli waris yang dilakukan di daerah Pasir Mas, Kelantan.

BAB KEDUA

PEMBAHAGIAN DAN PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI DAERAH PASIR MAS

2.1 Pendahuluan

Bab kedua ini akan membincangkan tentang definisi harta pusaka, pembahagian harta pusaka secara faraid dan muafakat serta pengurusan pusaka yang melibatkan harta pusaka besar, harta pusaka ringkas dan harta pusaka kecil. Dalam bab ini juga penulis akan mengkaji prosedur pembahagian harta pusaka yang melibatkan harta pusaka kecil di Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas.

2.2 Definisi Harta Pusaka

Harta menurut Kamus Dewan Edisi Keempat membawa maksud bahawa barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas dan sebagainya yang dipunyai oleh seseorang.²⁵ Manakala pusaka pula memberi maksud bahawa segala harta benda yang ditinggalkan oleh seseorang yang meninggal dunia.²⁶ Namun, boleh dikatakan bahawa harta pusaka ini adalah merujuk kepada harta benda yang dimiliki oleh seseorang yang telah meninggal dunia dan ia boleh diwarisi oleh waris-waris ataupun keturunannya. Harta pusaka adalah hak (harta) peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia dan ianya akan diwarisi oleh waris-warisnya serta dibahagikan mengikut peruntukan undang-undang.

²⁵ *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 517

²⁶ *Ibid*, h. 1254.

Secara keseluruhannya harta pusaka boleh ditakrifkan sebagai harta tak alih atau harta alih yang ditinggalkan oleh seseorang yang kematianya telah dibuktikan di bawah undang-undang²⁷. Akta Tafsiran 1957 mentakrifkan harta tak alih sebagai tanah dan sebarang kepentingan, hak atau faedah yang terdapat atau yang akan didapati daripada tanah. Manakala harta alih adalah terdiri daripada lain-lain harta selain dari tanah termasuklah wang simpanan, saham, kenderaan dan sebagainya.²⁸

Dalam melihat definisi sebenar harta pusaka, kita dapat melihat perincian jenis-jenis harta tak alih yang mana ianya mengandungi satu ataupun lebih daripada harta-harta yang tersenarai di bawah ini antaranya:²⁹

- a) Tanah termasuk tanah lombong dan kepentingan (tanah atau bahagian yang tidak dibelah bagi, gadaian, pajakan yang didaftarkan di dalam nama si mati sebagai tuan punya, pentadbir atau sebagai pemegang amanah)
- b) Tanah yang dicatatkan di dalam “*Rule of Approved Application*”
- c) Tanah atau bahagiannya yang dipegang oleh seorang pemegang amanah bagi pihak si mati.
- d) Tanah atau bahagiannya yang patut diturunkan kepada si mati daripada satu pusaka yang sedang dibahagikan
- e) Pegangan yang dimaksudkan oleh Land (*Group Settlement Areas*) Act, 1960
- f) Kepentingan seorang yang belum dewasa di dalam sekeping tanah yang dipegang untuknya oleh pemegang amanah
- g) Sesuatu kepentingan dalam gadaian atau pajakan.

²⁷ Abdul Rashid Hj Abdul Latif (2007), *Undang-undang Pusaka dalam Islam*; Satu Kajian Perbandingan, Kuala Lumpur: Penerbitan Al-hidayah, h. 5.

²⁸ Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) Bil. 18/1976.

²⁹ Buku Soal Jawab Pembahagian Harta Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, h. 2.

2.3 Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Menerusi Faraid

Islam telah menetapkan peraturan dan kaedah yang teratur dalam menentukan siapakah yang berhak untuk menerima harta pusaka serta kadar bahagian masing-masing. Sejarah awal pembinaan hukum pusaka Islam tertumpu di Semenanjung Tanah Arab. Mekah dan Madinah di Semenanjung Tanah Arab menjadi pusat pertapanan awal Islam apabila wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW sejak tahun 610 M. Sejak itu hukum Islam diperkenalkan secara beransur-ansur dalam kalangan masyarakat arab berdasarkan dua sumber, iaitu al-Quran dan al-hadis. Kedua-dua sumber ini menjadi rujukan terpenting dalam sejarah pembinaan hukum Islam, termasuklah hukum pusaka. Hukum pusaka yang dibawa oleh Islam ini telah mengubah perwarisan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam dan secara tidak langsung mengubah struktur hubungan persaudaraannya.³⁰ Pembahagian harta pusaka menurut kaedah yang ditetapkan Islam adalah suatu pembahagian yang sangat adil dan sistematik kerana Allah SWT sebagai pencipta mengetahui di mana letaknya kekurangan dan kelebihan manusia.

Pada permulaan Islam, Allah SWT telah membiarkan masyarakat Islam membahagikan pusaka dalam kalangan mereka mengikut sistem Arab jahiliyah seperti mana yang telah diamalkan pada zaman sebelum kedatangan Islam. Namun selepas itu barulah ditunjukkan suatu sistem sementara berdasarkan kepada hijrah atau perpindahan ke Madinah serta konsep persaudaraan.³¹ Seseorang yang berhijrah ke Madinah al-Munawarah, boleh menerima pusaka daripada saudaranya yang sama-

³⁰ Abdul Kadir Ismail (1983), *Pusaka di dalam Undang-undang Moden*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, h. 18.

³¹ Abdul Kadir Haji Ismail (1993), *Sistem Pusaka Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, h. 4.

sama berhijrah dengan syarat setiap orang dari mereka menentukan sahabatnya dengan bergaul secara ikhlas di antara satu sama lain. Melalui konteks persaudaraan pula, Rasulullah SAW telah mempersaudarakan antara dua orang dari golongan Muhajirin dan Ansar, apabila proses persaudaraan ini berlaku, maka mereka boleh mewarisi harta pusaka antara satu sama lain.

Pembahagian harta pusaka orang Islam di negara ini sebenarnya dibuat berlandaskan kepada hukum syarak, iaitu Hukum Faraid. Ianya adalah bersumberkan al-Quran, al-sunnah dan Ijmak.³² Ilmu Faraid merupakan suatu ilmu yang sangat penting dan digalakkan untuk dipelajari. Islam sangat mengambil berat supaya setiap individu muslim berusaha mempelajari hukum pusaka kerana diberikan ganjaran pahala yang setimpal dengannya.³³

Faraid dari bahasa bermaksud ketetapan.³⁴ Manakala menurut istilah syarak ialah pembahagian harta pusaka selepas daripada kematian seseorang yang telah ditetapkan di bawah hukum syarak ke atas waris-waris yang mendapat bahagian harta pusaka menurut ketetapan al-Quran dan as-Sunnah.³⁵ Ulama mazhab Syafie menyatakan ilmu faraid ialah bahagian-bahagian yang telah ditentukan oleh Syarak.³⁶ Manakala Ulama mazhab Hanafi berpendapat ilmu faraid ialah ilmu untuk diketahui cara-cara pembahagian harta si mati kepada ahli waris yang berhak.³⁷ Harta yang dibahagikan kepada ahli waris adalah baki harta yang ditinggalkan setelah

³² Wahbah al-Zuhaylī(1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, Beirūt: Dār al-Fikr, j. 8, h. 244.

³³ Abdul Rashid Hj. Abdul Latif, *op.cit*, h. 4

³⁴ *Ibid*, h. 9.

³⁵ *Ibid*.

³⁶ al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥussayn bin Maṣ‘ūd bin Muḥammad al-farrā (t.t), *al-Taḥzīb fī fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 5: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h. 3.

³⁷ ‘Ali bin Muḥammad al-Syarīf al- Jurjānī (1969), *al-Tak ‘rifāt*, Beirūt: Ṣahār Riyād al-Sulṭḥ

ditolak segala pembiayaan pengurusan jenazah, hutang-hutang pewaris dan sebagainya lagi.

Menurut Islam, selepas berlakunya kematian seseorang muslim, maka wujudlah hak-hak tertentu ke atas harta yang ditinggalkan. Hak-hak tersebut telahpun ditentukan sendiri oleh Allah secara khusus di bawah hukum faraid. Pembahagian faraid kepada yang berhak hukumnya adalah wajib dan ianya adalah sangat adil dan sistematik. Di dalam surah An-Nisa' ayat 11 hingga 13, telah diterangkan tentang kaedah pembahagian secara faraid dengan jelas, manakala dalam surah yang sama ayat yang ke-14, Allah mengecam manusia beriman sekiranya ingkar dengan perintah Allah.

2.3.1 Rukun dan Sebab Mempusakai Dalam Pelaksanaan faraid

Perbincangan mengenai rukun adalah sesuatu yang asasi sebelum mendalami isu yang ingin diketengahkan. Rukun dari sudut bahasa bermaksud bahagian yang paling kuat. Pada istilahnya boleh diibaratkan sebagai sebahagian daripada keadaan itu, yang mana apabila ada maka berjalanlah hukum faraid, sebaliknya jika tidak ada keadaan berkenaan, maka tiadalah hukum faraid. Apabila berlakunya sesuatu kematian dan ianya memenuhi rukun-rukun ini, maka dilaksanakanlah hukum faraid dan sekiranya kematian tersebut tidak memenuhi rukun-rukunnya, maka tiadalah pembahagian faraid. Rukun-rukun pusaka terbahagi kepada tiga bahagian,³⁸ iaitu

³⁸ Muḥammad ‘Alī al- Ṣābūnī (1989), *al-Mawārith fī al-syari‘ah al-Islāmiyyah fī Daw‘ī al-Kitāb wa al-Sunnah*, Damsyik: Dār al-Qalam, h.34.

pewaris iaitu si mati yang meninggalkan harta, ahli waris dan juga harta yang diwariskan.

Pusaka mempusakai berlaku apabila kedua-dua pihak memenuhi syarat-syaratnya serta bebas daripada larangan-larangannya. Diantara sebab-sebab pewarisan yang disepakati oleh Ulama ada tiga bahagian iaitu kerabat, perkahwinan dan juga Wala'.³⁹ Tetapi mazhab Syafie dan Maliki menambah satu lagi iaitu agama Islam dan Baitulmal.⁴⁰

2.3.2 Jenis-Jenis Ahli Waris Dalam Faraid

Terdapat tiga jenis ahli waris yang berhak mendapat harta pusaka apabila berlakunya sesuatu kematian. Mereka ialah Ashab al-furud, Asabah dan Dhawi al-Arham. Ashab al-furud⁴¹ ialah waris-waris yang telah ditetapkan bahagian mereka dalam pembahagian harta pusaka menurut al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak. Mereka merupakan orang yang paling utama dan didahulukan dalam pembahagian harta pusaka. Waris-waris ashab al-furud akan menerima bahagian fardu yang telah ditetapkan dalam al-Quran. Mereka diberi keutamaan dalam menerima harta pusaka berbanding dengan waris asabah dan dhawi al-arham.

³⁹ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op.cit*, j.8, h. 247-251.

⁴⁰ al-Syīrāzī (1959), *al-Mudhadhab fī fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 2, c.2, Beirūt, Dār al-Ma‘rifat li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasr, h. 25.

⁴¹ al-Şabūnī (1989), *op.cit*, h. 47-62.

Asabah⁴² pula ialah waris lelaki kepada si mati yang tidak diselangioleh perempuan. Mereka tidak mempunyai bahagian yang tetap dan ini menyebabkan mereka kadangkala menerima semua harta apabila tidak ada waris ashab al-furud atau kadangkala tidak mendapat harta pusaka sedikitpun kerana telah dihabiskan oleh waris ashab al-furud. Kedudukan mereka dalam undang-undang pusaka Islam adalah selepas waris ashab al-furud.

Manakala Dhawi al-Arham⁴³ pula ialah waris yang mempunyai hubungan darah dengan si mati selain daripada ashab al-furud dan asabah sama ada lelaki atau perempuan, seorang mahupun ramai. Pada kebiasaannya, waris dhawi al-arham ini hubungannya dengan si mati diselangi oleh waris perempuan.

2.4 Kaedah Pembahagian Harta Pusaka Melalui Muafakat

Walaupun Islam telah menetap dan menentukan pembahagian harta pusaka selepas kematian melalui hukum faraid sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran, tetapi secara amalannya pembahagian secara muafakat ahli waris berlaku dan menjadi pilihan sebahagian besar masyarakat Islam.

Merujuk kepada maksud muafakat di dalam Kamus Dewan,⁴⁴ ianya terbahagi kepada empat bentuk pengertian iaitu :

- (i) Sesuatu yang dipersetujui, pernyataan setuju.
- (ii) Perundingan dan pembicaraan.

⁴² al-Šabūnī (1989), *op.cit*, h. 63-78

⁴³ al-Šabūnī (1989), *op.cit*, h.177-192

⁴⁴ Zainal Abidin Safarwan (1984), *Kamus Sinonim Lengkap dengan Rangkai Kata*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, h. 832.

- (iii) Bermesyuarat
- (iv) Seia, sekata dan sepakat.

Melihat kepada maksud atau pengertian yang telah diberikan, maka bolehlah muafakat ahli waris didefinisikan sebagai permuafakatan antara ahli waris dalam pembahagian harta pusaka. Dengan kata lain, permuafakatan antara ahli waris ini terhasil daripada persetujuan antara mereka serta wujudnya kesepakatan dan penerimaan secara baik melalui pembahagian harta pusaka dan ianya dibuat secara sukarela antara mereka dengan dibahagikan secara samarata atau secara gantian barang kepada nilai wang.

Manakala pentakrifan yang dibuat di Unit Penyelesaian Pusaka pula ialah semua waris telah bersetuju untuk membahagikan harta pusaka peninggalan si mati menggunakan kaedah secara muafakat antara mereka.⁴⁵ Kaedah secara muafakat ini berlaku hasil daripada perbincangan antara mereka sebelum perintah pembahagian dibuat oleh Pegawai Penyelesaian Pusaka atau Pemungut. Mereka dibenar mengadakan perbincangan atau rundingan sesama mereka semasa proses perbicaraan berlangsung di Unit Penyelesaian Pusaka dengan kebenaran Pegawai Penyelesaian Pusaka. Setelah berpuas hati dengan perbincangan yang telah dibuat maka Pegawai Penyelesaian Pusaka akan mengisyiharkan perintah pembahagian berdasarkan mekanisme yang telah dipersetujui bersama.

Jika ahli waris yang terlibat berhasrat membahagikan harta secara muafakat atau persetujuan bersama, maka Pegawai Pembahagian Pusaka akan membahagikan

⁴⁵ Pn. Salehah Bt. Awang, Penolong Pengarah Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan. Temu bual pada 23 Ogos 2010, Jam 3.00 Petang.

harta tersebut mengikut sebagaimana permufakatan antara mereka. Contohnya dalam perkara harta pusaka si mati yang bernama Musa bin Mat Ail, No. Fail Nota Pembicaraan, JKPTG/PK/03/04/0012/2009. Pemohon, Maimunah Binti Hussin iaitu isteri kepada si mati bersama dengan ahli waris yang lain telah bersetuju untuk membahagikan harta peninggalan si mati melalui kaedah muafakat.⁴⁶ Semua ahli waris telah bersetuju untuk membahagikan harta pusaka si mati dengan cara sama banyak antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan secara sukarela. Sekiranya ahli-ahli waris tidak menentukan kaedah pembahagian yang dikehendaki, maka Pegawai Pembahagian Pusaka akan menentukannya sendiri berdasarkan kepada pembahagian faraid. Biasanya pembahagian mengikut faraid ini tidak akan menimbulkan bantahan dan rayuan selepasnya, tidak sebagaimana pembahagian secara muafakat, kadang-kadang menimbulkan bantahan dan rayuan yang melibatkan perbicaraan semula.⁴⁷

Bantahan dan rayuan yang melibatkan perbicaraan semula ini berlaku apabila terdapatnya ahli waris yang tidak bersetuju dengan pembahagian yang telah diputuskan oleh pegawai pembahagian pusaka dan mahu ianya diadakan perbicaraan semula. Ahli waris tersebut boleh mengemukakan rayuan kepada unit penyelesaian pusaka kecil dalam tempoh empat belas hari selepas proses perbicaraan yang telah dijalankan iaitu sebelum dikeluarkan perintah pembahagian. Sekiranya perintah pembahagian telah dikeluarkan oleh UPP, maka sebarang bantahan dan rayuan hendaklah dibawa ke Mahkamah Tinggi.⁴⁸

⁴⁶ Rujuk lampiran C1, Nota Pembicaraan Pembahagian Pusaka, No. Fail JKPTG/PK/03/04/0012/2009.

⁴⁷ Pn. Che Esah Bt. Che Soh, Pembantu Tadbir Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan. Temu bual pada 28 Ogos 2010, Jam 3.30 Petang.

⁴⁸ Pn. Salehah Bt. Awang , temubual, *op.cit.*

Proses perbicaraan semula ini sama sahaja dengan perbicaraan sebelumnya yang mesti dihadiri oleh semua ahli waris yang terlibat dengan pembahagian harta pusaka si mati. Kebiasaan bantahan dan rayuan untuk perbicaraan semula ini disebabkan oleh beberapa sebab, diantaranya ialah ketidakpuasan hati ahli waris berkenaan dengan pembahagian yang telah dibuat selepas perbicaraan, ahli waris menarik balik persetujuan yang telah dibuat selepas perbicaraan, tertinggalnya nama ahli waris yang terlibat dalam perbicaraan sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja.⁴⁹

2.4.1 Pembahagian Cara Muafakat Mengikut Konsep Takharuj

Walaupun undang-undang pusaka Islam telah menetapkan ahli-ahli waris tertentu dalam menerima harta pusaka serta kadar bahagian masing-masing, tetapi undang-undang itu telah memberi ruang yang seluas-luasnya kepada ahli waris untuk menerima harta pusaka pewaris atau sebaliknya. Penolakan ahli waris terhadap harta pusaka boleh dilakukan melalui kaedah *Takharuj*.

Takharuj dalam Undang-Undang Pusaka Islam bermaksud seorang waris menarik diri dari mengambil harta pusaka sama ada sebahagian atau keseluruhannya dengan salah seorang ahli waris atau beberapa ahli waris yang lain dengan mengambil bayaran (‘iwad) tertentu sama ada dari harta pusaka itu atau harta-harta yang lain atau tanpa bayaran. Sebagai contoh, dalam kes harta pusaka si mati yang bernama Siti Aminah bt Mustapha, No. Fail Nota Pembicaraan JKPTG/PK/03/04/0005/2009. Pemohon, iaitu Mohd Syawal Amri Bin Muhamad

⁴⁹ *Ibid*

iaitu anak lelaki si mati bersama dengan ahli waris yang lain telah bersetuju untuk menolak harta pusaka peninggalan ibunya dengan cara bayaran.⁵⁰ Begitu juga yang berlaku dalam kes harta pusaka si mati yang bernama Seman bin Salleh, No. Fail Nota Pembicaraan JKPG/PK/03/04/0010/2009. Pemohon, Mohamad bin Seman iaitu anak lelaki si mati bersama dengan ahli waris yang lain telah bersetuju menarik diri daripada mengambil harta pusaka peninggalan si mati dengan cara bayaran.⁵¹ *Takharuj* dengan mengenakan bayaran adalah satu bentuk akad *mu'awadah* yang diharuskan oleh hukum syarak jika terdapat keredhaan atau kerelaan di antara ahli-ahli waris yang terlibat.⁵²

Kaedah *Takharuj* diamalkan dalam pembahagian harta pusaka melalui beberapa bentuk dan cara. Antaranya ialah persetujuan daripada semua atau sebahagian ahli waris termasuk pembahagian sama banyak, penyerahan hak kepada ahli waris yang lain, penarikan diri daripada menerima harta pusaka dan sebagainya.⁵³ Kaedah ini adalah semata-mata untuk memberi keselesaan dan kebebasan kepada ahli-ahli waris yang terlibat dalam menentukan bentuk pembahagian harta pusaka setelah bahagian masing-masing mengikut faraid diketahui. Ianya mestilah dilakukan dengan persetujuan dan kerelaan ahli-ahli waris yang terlibat dalam pembahagian harta pusaka itu, samada dengan mengenakan bayaran tertentu atau tanpa bayaran.

⁵⁰ Rujuk lampiran C2, Nota Pembicaraan Pembahagian Pusaka, No. Fail JKPTG/PK/03/04/0005/2009.

⁵¹ Rujuk lampiran C3, Nota Pembicaraan Pembahagian Pusaka, No. Fail JKPTG/PK/03/04/0010/2009.

⁵² Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang (2006), *Undang-undang Pusaka Islam : Pelaksanaan Di Malaysia*, Bangi: Jabatan Syariah,fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 176.

⁵³ *Ibid.*

Hukum pembahagian secara muafakat ahli waris menggunakan konsep *Takharuj* yang melibatkan penolakan atau penarikan diri daripada menerima pusaka, dibenarkan oleh Agama Islam. Ianya berlandaskan kepada kaedah *Takharuj* yang mana pernah berlaku di zaman al-Rasyidin.⁵⁴ Ianya menyangkal pendapat sesetengah pihak yang mengatakan harta pusaka wajib diambil atau dierima terlebih dahulu supaya menjadi hak milik penerima pusaka, kemudian barulah boleh diberikan kepada waris lain.⁵⁵

Pembahagian sama banyak mengikut konsep *Takharuj* bermaksud sebahagian daripada ahli waris bersetuju semua harta pusaka dibahagikan sama banyak antara mereka. Ini bermakna persetujuan daripada waris lelaki diwajibkan kerana sebahagian harta kepunyaan waris lelaki diambil dan diberikan kepada waris perempuan supaya bahagian mereka menjadi sama banyak.⁵⁶ Pembahagian sama banyak tidak menjadi kesalahan atau boleh dikatakan tidak melanggar hukum faraid sekiranya ahli waris memahami konsepnya. Asal pembahagian mengikut hukum faraid, namun atas dasar kekeluargaan dan tolak ansur, konsep ini diamalkan.

Bagi mengelakkan pemecahan tanah atau pemilikan beramai-ramai pada sebidang tanah, ahli waris boleh mengadakan perbincangan dan melakukan pembahagian mengikut konsep *Takharuj* melalui persetujuan secara muafakat serta meredai antara sesama mereka.⁵⁷ Kaedah ini tidak bercanggah dengan hukum syarak, malah digalakkan demi menjaga keharmonian keluarga dengan semangat

⁵⁴ Wan Abdul Halim wan Harun (2006), *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, Ampang: Dawama, h.299.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Wan Abdul Halim Wan Harun (2011), *Mengurus Harta Pusaka*, Selangor: PTS Professional, h. 189.

⁵⁷ Rujuk lampiran C4, Nota Pemicaraan Pembahagian Pusaka, No. Fail JKPTG/PK/03/04/0004/2009.

persepakatan, tolak ansur dan mengutamakan saudara yang kurang bernasib baik dan memerlukan.⁵⁸

Terdapat juga ahli waris samada secara sedar atau tidak telah mengamalkan konsep *Takharuj* melalui penyerahan hak iaitu melepaskan hak mereka kepada waris lain.⁵⁹ Begitu juga dengan konsep penarikan diri daripada menerima harta pusaka dan bersetuju harta pusaka diberikan kepada ahli waris yang lain secara sukarela. Contohnya dalam kes harta pusaka secara muafakat yang berlaku ke atas harta si mati iaitu Zaleha Bt Ismail, No. Fail Nota Pembicaraan JKPTG/PK/03/04/0008/2009. Pemohon, iaitu Mohd Sabri Bin Yusoff, suami kepada si mati telah bersetuju bersama-sama dengan ahli waris yang lain untuk menolak harta pusaka kepada anak-anak si mati secara sukarela tanpa bayaran dan tanpa bantahan.⁶⁰ Konsep ini digalakkan dalam pembahagian harta pusaka kerana ianya mengambarkan kesepakatan dan keharmonian sesebuah keluarga berdasarkan perasaan kasih sayang antara mereka.

Dalam melaksanakan konsep *Takharuj*, terdapat tiga keadaan yang boleh membatalkan perlaksanaannya, iaitu apabila tuntutan hutang melebihi daripada harta pusaka simati, sedangkan ahli-ahli waris tidak bersedia untuk membayar hutang tersebut, maka takharuj dianggap batal. Kedua, apabila timbul tuntutan wasiat terhadap si mati, maka tuntutan itu boleh menyebabkan kadar sebenar bahagian masing-masing ahli waris dalam harta pusaka akan berubah. Ketiga apabila wujud seorang ahli waris yang tidak diketahui sebelum pembahagian dilakukan atau pada

⁵⁸ Wan Abdul Halim Wan Harun, *op. cit.*, h. 191.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 193.

⁶⁰ Rujuk lampiran C5, Nota Pembicaraan Pembahagian Pusaka, No. Fail JKPTG/PK/03/04/0008/2009.

masa *Takharuj*, sedangkan kedatangan dan kewujudannya boleh menyebabkan perubahan dalam hak dan bahagian harta pusaka waris-waris berkenaan.⁶¹ Berdasarkan ketiga-tiga keadaan di atas, maka konsep *Takharuj* tidak boleh dilaksanakan.

Takharuj adalah salah satu cara terbaik yang perlu diamalkan dalam pembahagian harta pusaka. Ianya menggambarkan wujudnya sifat-sifat mulia dalam sesebuah keluarga seperti persefahaman, tolak ansur, semangat kekeluargaan, kasih sayang, bantu membantu dan sebagainya. Ahli waris perlu didedahkan secara mendalam tentang konsep ini kerana terdapat sebahagian besar masyarakat tidak mengetahui tentang cara menyerahkan haknya kepada orang lain berlandaskan hukum faraid.⁶²

2.5 Pengurusan Harta Pusaka Di Daerah Pasir Mas

Sebelum menyentuh perkara utama dalam kajian ini iaitu pembahagian harta pusaka kecil secara muafakat, kajian ini terlebih dahulu akan menerangkan serba sedikit tentang pengurusan harta pusaka mengikut beberapa kategori utama seperti pengurusan harta pusaka biasa, pengurusan harta pusaka ringkas dan yang paling penting pengurusan harta pusaka kecil. Ini bertujuan untuk membandingkan proses-proses yang berlaku antara ketiga-tiga kategori tersebut dan melihat pengelasan harta-harta pusaka di dalam statut dan ianya berbeza berdasarkan kepada jumlah nilai yang mana telah memberi kesan kepada pengurusan setiap jenis harta tersebut.

⁶¹ Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang, *op.cit.*, h. 178.

⁶² Wan Abdul Halim Wan harun, *op.cit.*, h. 250.

2.5.1 Pengurusan Harta Pusaka Biasa

Harta pusaka biasa atau harta pusaka besar ialah harta pusaka yang bernilai melebihi RM2,000,000.00 samada terdiri daripada harta alih atau harta tak alih ataupun kombinasi kedua-dua harta alih dan tak alih.⁶³ Harta alih adalah seperti wang simpanan di bank, saham, insuran, simpanan Tabung Haji, KWSP, wang koperasi, sijil-sijil simpanan premium dan sebagainya. Manakala harta tak alih seperti tanah. Harta pusaka ini ditadbir mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97). Kuasa untuk mentadbir harta pusaka jenis ini diperuntukkan di bawah seksyen 13 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532) dan seksyen 81 Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Bagi harta pusaka jenis ini adalah terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, Amanah Raya Berhad (ARB) dibolehkan sebagai pentadbir untuk memohon pembahagian harta pusaka tersebut bagi pihak waris setelah diluluskan oleh Mahkamah Tinggi. Tanpa terikat kepada batasan nilai yang dinyatakan, sebarang harta si mati orang-orang bukan Islam yang mengandungi wasiat di bawah Ordinan wasiat No.38 tahun 1959 dianggap sebagai pusaka besar dan menjadi tanggungjawab Mahkamah Tinggi untuk mengeluarkan Surat Kuasa Tadbir. Namun, peruntukan Akta ini tidak boleh di pakai bagi kematian seorang Islam kerana ianya bertentang dengan syarat dan peraturan perwasiatan dalam Islam.⁶⁴

⁶³ Wan Mohamed Wan Mustapha, “Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam”, (Kertas Kerja Seminar Fara’id Peringkat Kebangsaan pada 4-5 Jun 1983 di UKM, Bangi), h. 3.

⁶⁴ Tn Hj. Abdullah bin Muhamad, Pembahagian Harta Pusaka Kecil: Perspektif Masa Kini dan Cabaran Masa Alaf Baru, (Kertas Kerja Seminar Harta Pusaka pada 1997), h. 5-6.

Akta ini telah memperuntukkan bahawa bagi pengurusan harta pusaka biasa di mana si mati meninggalkan wasiat, maka pengurusan harta pusaka itu memerlukan kepada Surat Kuasa Wasiat. Bagi harta pusaka tidak berwasiat, Akta ini memperuntukkan perlunya kepada Surat Kuasa Mentadbir. Manakala bagi harta yang sebahagiannya berwasiat, pengurusan ke atasnya memerlukan kepada Surat Kuasa Mentadbir dan Wasiat Berkembar.⁶⁵

2.5.2 Pengurusan Harta Pusaka Ringkas

Harta pusaka ringkas ialah harta pusaka yang terdiri daripada harta alih sahaja dan jumlah nilainya tidak melebihi RM600,000.00.⁶⁶ Antara pusaka yang termasuk dalam katogeri ini adalah harta alih seperti wang tunai, simpanan bank, saham, sijil simpanan premium, wang cantuman KWSP, motosikal, barang kemas, senjata api dan mana-mana harta alih yang berjumlah tidak lebih daripada jumlah di atas. Bagi Pengurusan harta pusaka jenis ini, Amanah Raya Berhad (ARB) diberikan satu akta khusus untuk mentadbir dan membahagikan semua jenis harta alih melalui Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 di bawah kuasa ARB sendiri. Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 17(1), ARB perlu menjalankan pentadbiran harta pusaka tersebut seperti mengumpul dahulu kesemua harta dan dimasukkan ke dalam akaun ARB. Dalam erti kata lain, ARB akan menjadi pemegang amanah kepada harta-harta tersebut sebelum pembahagian dibuat.

⁶⁵ Wan Mohamed Wan Mustapha, “Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam”, (Kertas Kerja Seminar Fara’id Peringkat Kebangsaan pada 4-5 Jun 1983 di UKM, Bangi), h. 3.

⁶⁶ Seksyen 17 (1) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).

2.5.3 Pengurusan Harta Pusaka Kecil

Harta Pusaka Kecil ialah harta yang ditinggalkan oleh si mati yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Si mati tidak meninggalkan wasiat (di bawah Akta Wasiat 1959) kerana wasiat orang bukan Islam tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Sivil. Tetapi jika wasiat yang ditinggalkan oleh orang Islam iaitu melibatkan bidangkuasa Mahkamah Syariah maka unit Pembahagian Pusaka Kecil masih boleh menerima permohonan tersebut. Sebelum ini kedudukan wasiat tersebut pula diputuskan oleh Mahkamah Syariah.
- ii. Harta ini terdiri daripada harta tak alih iaitu tanah dan kepentingan, hak atau faedah yang terdapat atau yang akan didapati daripada tanah, bangunan dan harta alih seperti wang tunai, saham, KWSP, ASN, ASB, ASJ dan sebagainya.
- iii. Jumlah nilai harta itu hendaklah tidak melebihi RM2,000,000.00 pada tarikh permohonan dibuat.

Secara ringkasnya, Harta Pusaka Kecil bagi maksud Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 didefinisikan sebagai “harta pesaka si mati yang mengandungi kombinasi harta alih dengan harta tak alih atau harta tak alih keseluruhannya yang jumlah nilainya tidak melebihi RM2,000,000.00.”⁶⁷ Bidang kuasa membahagi harta kategori ini ialah terletak kepada Pentadbir Tanah. Mereka juga dikenali sebagai Pegawai Penyelesaian Pusaka Kecil. Bagi daerah Pasir Mas, permohonan boleh dikemukakan kepada Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Pasir Mas, Kelantan.

⁶⁷ Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2008 (Akta A1331).

Pengurusan harta pusaka kecil yang bernilai tidak lebih daripada RM2,000,000.00 yang meliputi harta alih atau tak alih keseluruhannya atau kombinasi antara harta alih dan tak alih mestilah berpandukan kepada syarat dan tatacara yang telah diperuntukkan.

Pengurusan ke atas harta pusaka kecil sepetimana yang diperuntukkan dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) diberikan bidang kuasa ekslusifnya kepada Pejabat Penyelesaian Pusaka.⁶⁸ Dalam menjalankan bidang kuasa tersebut, pada 1hb Mac 1074, satu seksyen khusus yang berperanan menguruskan harta pusaka jenis ini telah ditubuhkan yang diberi nama Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Dengan tertubuhnya seksyen ini, ia dapat mengurangkan beban tugas sedia ada pegawai-pegawai daerah dan pembantu-pembantu, seterusnya dapat menyelesaikan masalah kes-kes harta pusaka yang tertunggak sebelum itu.⁶⁹

2.6 Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Kecil Di Daerah Pasir Mas

Pembahagian harta pusaka kecil perlu melalui beberapa prosedur oleh pihak yang terbabit melibatkan pemohon dan juga pegawai di Unit Penyelesaian Pusaka. Berdasarkan kajian di Daerah Pasir Mas, Kelantan, prosedur yang biasa diikuti apabila menerima permohonan hinggalah selesai perbicaraan dan pembahagian adalah seperti di bawah:⁷⁰

⁶⁸ Seksyen 4(2) Akta 98.

⁶⁹ Wan Mohammad bin Wan Mustafa, *op.cit*, h. 159.

⁷⁰ Seksyen 8(1) Akta 98.

a) Permohonan

Seksyen 8(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) memperuntukkan bahawa permohonan tuntutan harta pusaka oleh pihak-pihak terbabit boleh dibuat di Pejabat Pembahagian Pusaka Kecil atau Pejabat Tanah Daerah di mana tanah tersebut terletak. Sekiranya tanah yang dituntut terletak dalam daerah yang berasingan, maka permohonan boleh dibuat di Pejabat Tanah yang berhampiran walaupun tanah yang nilainya lebih tinggi berada di kawasan lain. Setiap permohonan pembahagian pusaka kecil yang dikemukakan hendaklah diisi dalam borang khas (Borang A) dengan disertakan:

1. Bukti kematian:
 - i. Surat perakuan kematian/permit menguburkan; atau
 - ii. Surat sumpah oleh dua orang saksi bebas yang menyaksikan jenazah dikebumikan (bagi kematian semasa pendudukan Jepun/ sebelumnya; atau
 - iii. Perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dalam keadaan seperti kematian tanpa kubur, hilang semasa pendudukan Jepun, Tragedi 13 Mei 1969, Tragedi Muassem dan sebagainya yang mana perintah ini hanya boleh didapati selepas 7 tahun dari tarikh berlakunya kejadian.
2. Salinan hakmilik yang diakui sah oleh Pejabat Tanah atau Perakuan Carian jual beli bagi rumah yang belum ada hak milik yang berasingan

3. Salinan dokumen harta-harta alih seperti salinan sijil saham, salinan buku simpanan, salinan penyata KWSP, Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) dan sebagainya (jika ada).

ARB juga boleh membuat permohonan untuk mengurus dan membahagikan harta pusaka kecil sepertimana diperuntukkan berdasarkan seksyen 13 Akta 532 dan seksyen 8 Akta 98, di bawah seksyen 8 ARB akan memohon untuk mendapatkan perintah pembahagian bagi harta tak alih sahaja. Perintah hendaklah diperolehi terlebih dahulu kerana tanpa perintah ini, Pejabat Tanah tidak akan mendaftarkan pembahagian tersebut. Borang 14A akan diisi bagi tujuan pemindahan tanah dan akan dibawa ke Pejabat Tanah untuk didaftarkan. Satu proses turun milik terus dalam bentuk perintah akan dilakukan terhadap harta si mati kepada waris. Proses ini tidak memerlukan pihak waris menurunkan tanda tangan pada borang tertentu.

Permohonan pula boleh dibuat hanya sekali ke atas keseluruhan harta pusaka. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan yang membolehkan permohonan kemudian dibuat iaitu:

- i. Masih terdapat harta yang tertinggal di dalam permohonan awal.
- ii. Apabila pemegang amanah yang baru perlu dilantik.
- iii. Apabila pentadbir baru perlu dilantik.
- iv. Untuk membatalkan surat kuasa tadbir dan pembahagian dibuat secara terus kepada waris si mati.
- v. Untuk menarik balik sesuatu kaveat pendaftar.

Jika berlaku keadaan seperti di atas, di mana tuntutan telah dibuat, tetapi harta yang dituntut kemudian itu adalah sebagai tambahan yang belum termasuk di dalam senarai tuntutan awal, maka suatu akuan pembetulan (*corrective affidavit*) hendaklah dibuat ke atas tuntutan pusaka sebelumnya. Dalam hal itu, pihak Pemungut Cukai Harta Pusaka hendaklah dimaklumkan keadaan tersebut. Setiap permohonan yang kemudian hendaklah menggunakan Borang P.

b) Notis Permohonan

Setelah petisyen pembahagian diterima, maka pemungut dikehendaki memfailkan permohonan dan membuat notis pengeluaran geran dan notis permohonan. Notis-notis tersebut hendaklah dihantar ke Pejabat Pendaftaran Utama, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi tujuan memastikan belum ada tuntutan permohonan dibuat sebelum ini. Proses ini juga dikenali sebagai *clearance*. Jika didapati telah wujud permohonan terdahulu ke atas harta yang sama, maka Pendaftar akan memaklumkan kepada Pegawai Penyelesaian Pusaka Kecil supaya menggantung prosiding di bawah seksyen 8(9) Akta 98.

Kewujudan Pendaftaran Pusat dalam peraturan pengurusan harta pusaka sangat penting kerana tuntutan ke atas harta pusaka si mati hanya boleh dibuat sekali sahaja dan meliputi keseluruhan harta peninggalannya. Dengan cara ini pihak Pendaftar Pusat akan merujuk rekod dalam simpanan mereka bagi menentukan sesuatu harta pusaka itu telah dibuat tuntutan.

c) Siasatan dan Penilaian Harta

Pegawai Penyelesaian Pusaka juga akan membuat siasatan ke atas harta-harta peninggalan si mati bagi memastikan kesemua senarai harta yang ditinggalkan telah dimasukkan dalam borang permohonan. Ini bagi mengelak tindakan segelintir ahli waris menyembunyikan harta si mati untuk kepentingan peribadi serta sebarang kesulitan yang timbul setelah perbicaraan dan pembahagian selesai dibuat. Taksiran nilai pula adalah untuk memastikan bahawa harta pusaka yang dituntut nilainya tidak melebihi RM2,000,000.00. Sekiranya beliau mendapati keadaan adalah sebaliknya, maka pegawai terbabit dikehendaki memindahkan petisyen tersebut kepada Mahkamah Tinggi memandangkan beliau tidak berbidangkuasa ke atas harta yang bernilai lebih daripada RM2,000,000.00. PPP juga bertanggungjawab memastikan siasatan dibuat bagi menentukan semua harta si mati telah dimasukkan ke dalam permohonan dan mengenalpasti semua ahli waris yang berhak telah disenaraikan.

Unit Penyelesaian Pusaka mempunyai dua metode penilaian dalam menentukan nilai harta pusaka yang diuruskan iaitu, pertama merujuk terus ke Jabatan Penilaian untuk membuat penilaian harta dan yang keduanya, pihak Unit Penyelesaian Pusaka sendiri yang membuat penilaian ke atas harta terbabit. Walau bagaimanapun, pengesahan akan dilakukan oleh unit ini sendiri setelah bersetuju dengan nilai yang dibuat semata-mata untuk tujuan harta pusaka, dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain seperti penjualan tanah. Kebiasaannya, sekiranya permohonan masuk, tindakan akan dibuat serentak iaitu mendapatkan *clearance* daripada Mahkamah Tinggi dan juga nilai tanah atau bangunan dari Jabatan Penilaian. Permohonan nilai tanah dibuat di Jabatan Penilaian di mana tanah itu

berada. Selain daripada siasatan dari segi nilai harta serta lain-lain liabiliti yang ditanggung oleh si mati, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil juga mengambil inisiatif dengan mengingatkan pegawai-pegawai supaya menyelesaikan beberapa perkara lain terlebih dahulu terutamanya melibatkan orang Islam dengan merujuk kepada waris si mati sekiranya si mati ada berhutang, zakat, upah haji, wasiat dan lain-lain walaupun ianya tiada dalam peruntukan undang-undang.

Sekiranya wujud kemosyikilan dalam permohonan tersebut seperti persoalan berhubung wasiat, kesahan waris, kesahtaranan anak si mati atau juga isu berhubung harta sepencarian di mana bidang kuasa menentukannya terletak pada Mahkamah Syariah, maka Unit Penyelesaian Pusaka akan menghentikan dahulu prosiding yang dijalankan bagi merujuk ke Mahkamah Syariah untuk menentukan masalah yang timbul. Keadaan-keadaan sedemikian berlaku bergantung kepada sejauh mana Unit Penyelesaian Pusaka ini merasakan bahawa pihaknya perlu kepada maklumat yang lebih lengkap sebelum sesuatu proses pembahagian diteruskan.

d) Mendapatkan Sijil Fara'id

Sekiranya PPP mendapati harta pusaka itu perlu diselesaikan berdasarkan kepada faraid, maka PPP hendaklah terlebih dahulu mendapatkan sijil faraid daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Sebarang tuntutan dan pertikaian yang berhubung dengan harta sepencarian, keesahan wasiat, wakaf, keesahan ikatan perkahwinan di antara suami isteri, kesahihan hak ahli waris dan bahagian setiap ahli waris akan diputuskan oleh pihak Mahkamah Syariah. Bagi lain-lain tuntutan seperti hutang maka dalam hal ini Mahkamah Tinggi atau Sivil akan berbidangkuasa. Walau

bagaimanapun, bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah itu hanyalah dalam menentukan dan mengesahkan bahagian ahli waris yang berhak, sedangkan sebarang kuasa untuk mendengar, menentu dan memutuskan segala tuntutan ahli waris adalah di bawah kuasa Pegawai Penyelesai Pusaka di Unit Pembahagian Pusaka yang akan bertindak sebagai hakim.

e) Notis Perbicaraan

Setelah siasatan dan penaksiran nilai harta pusaka dilaksanakan serta sijil faraid diperolehi, barulah penetapan perbicaraan dibuat. Notis di dalam Borang B yang menetapkan waktu dan tempat perbicaraan akan diedarkan kepada pihak menuntut dan dipamerkan di papan kenyataan. Perbicaraan kebiasaannya akan dilakukan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis dibuat. Dalam hal ini jika didapati pihak benefisiari atau yang berhak tidak menghadirkan diri sebanyak tiga kali maka haknya akan digugurkan. Pembeli dan pemutang terkecuali daripada perkara ini. Pemohon/ waris dikehendaki memastikan semua dokumen asal dibawa seperti diarahkan di dalam notis panggilan. Semua pihak yang diminta hadir juga adalah dikehendaki hadir. Manakala, keterangan semasa perbicaraan diberi secara bersumpah/ ikrar.

f) Perintah Pembahagian

Sebelum perintah pembahagian dilakukan, Pegawai Penyelesaian Pusaka Kecil terlebih dahulu menentukan jumlah bayaran dari harta pusaka si mati itu. Bayaran-bayaran tersebut antaranya ialah:⁷¹

- (i) Peruntukan mengenai pembayaran cukai harta (jika ada)
- (ii) Peruntukan mengenai belanja pengurusan si mati
- (iii) Peruntukan mengenai pembayaran hutang si mati
- (iv) Peruntukan bayaran balik kepada mana-mana pihak mengenai apa-apa bayaran yang dibuat oleh pihak tersebut dibawah akta.
- (v) Peruntukan mengarahkan supaya semua atau sebahagian daripada harta pusaka itu bagi maksud membayar hutang atau bayaran yang berkaitan dengan harta ataupun diri si mati itu sendiri.
- (vi) Peruntukan mengenai pembahagian baki harta kepada waris-waris yang berhak.

Di samping itu, terdapat juga bayaran-bayaran yang diambil kira daripada harta tersebut iaitu :⁷²

- (i) Bayaran satu salinan perintah kepada pemohon setiap satu salinan dikenakan RM2 (Dua Ringgit)
- (ii) Bayaran perintah (Order Fee) sebanyak RM10 (Sepuluh Ringgit). Ianya dibayar kepada Pejabat Tanah.

⁷¹ Seksyen 8(1) Akta 98.

⁷² Seksyen 8(1), *ibid.*

(iii) Peruntukan Baitul Mal. Ini adalah bagi si mati yang tidak mempunyai ahli waris ataupun ada ahli waris tetapi tidak menghabisi harta tersebut. Baitul Mal akan menjadi waris sekiranya si mati tidak “menghabisi” seperti anak lelaki, bapa, saudara lelaki seibu sebaik si mati dan sebagainya. Dalam keadaan si mati tidak langsung meninggalkan waris, kesemua harta si mati akan diwarisi oleh Baitul Mal. Dalam keadaan-keadaan tertentu pula, Baitul Mal akan menerima baki setelah bahagian ahli waris lain diperuntukan.⁷³

Dalam sesuatu kes pembahagian harta pusaka, sekiranya didapati ada pihak-pihak waris yang di bawah umur atau waris yang tidak siuman, maka pegawai tersebut dikehendaki melantik seorang pemegang amanah untuk menjaga kepentingan harta waris itu.⁷⁴ Untuk menentukan siapa yang berhak untuk memegang amanah tersebut, terpulanglah kepada permuafakatan antara waris-waris yang berkenaan. Jika sekiranya ahli waris berkenaan tidak memberikan apa-apa keputusan, maka pegawai tersebut bolehlah memilih sesiapa di antara mereka itu yang dikira layak untuk dilantik sebagai pemegang amanah. Kebiasaannya perkara ini diserahkan kepada saudara lelaki yang paling tua.

Sekiranya didapati bahawa si mati itu adalah pemegang amanah kepada seseorang sebelum kematiannya, tetapi ianya tidak didaftarkan, maka masalah ini hendaklah dirujukkan kepada mahkamah yang akan mengarahkan supaya harta yang diamanahkan itu dipindahkan kepada pemegang amanah yang baru atau diserahkan kepada orang yang berhak menerimanya.⁷⁵ Bagi perintah pembahagian yang seperti

⁷³ Buku Soal Jawab Pembahagian Harta Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, h. 9.

⁷⁴ Seksyen 10(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta98).

⁷⁵ Seksyen 13(3), Ibid.

ini (perintah bagi melantik pemegang amanah atau pentadbir adalah dengan menggunakan Borang F dan Borang FF).

Sekiranya didapati wujud orang yang menuntut sebagai pembeli ke atas mana-mana tanah yang didaftarkan dengan nama si mati, maka pegawai tersebut hendaklah memindahkan tanah tersebut kepada pembeli yang berkenaan.⁷⁶ Syaratnya mesti mempunyai segala dokumen yang boleh mengesahkan pembelian tersebut. Jika sekiranya pembeli itu tidak dapat membuktikan kepada mahkamah bahawa ia telah membeli tanah tersebut, maka ianya hanya berhak menerima gantirugi atau pampasan sahaja. Oleh yang demikian, pihak Pegawai Pembahagian Pusaka hendaklah memperuntukkan jumlah bayaran kepada orang tersebut yang dianggap sebagai hutang si mati.

Perintah Pembahagian yang dikeluarkan oleh PPP adalah tertakluk kepada beberapa peruntukan dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) sebagaimana berikut:

- i. Seksyen 13(2) dan 16(2) memperuntukkan sekiranya dalam pembahagian melibatkan mana-mana kanak-kanak yang berhak menerima harta dalam harta tak alih si mati maka PPP perlu mengeluarkan perintah supaya harta itu didaftarkan di bawah nama seorang Pemegang Amanah dan harta itu perlulah dikaveatkan demi kepentingan kanak-kanak tersebut.

⁷⁶ Seksyen 13(6), Ibid.

- ii. Seksyen 13(3) menghendaki harta amanah yang tidak didaftarkan dan diletakkan di bawah pegangan si mati perlulah dipindahkan kepada Pemegang Amanah yang baru atau waris yang berhak menerima pusaka.

Seksyen 15 Akta yang sama memperuntukkan kuasa yang diberikan kepada Pegawai Pentadbir Pusaka dalam membahagikan harta pusaka, manakala seksyen 15(3) memberikan kuasa berdasarkan budi bicaranya sekiranya terdapat dua atau lebih waris yang berhak untuk berkongsi tanah pusaka dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan mereka yang berkenaan iaitu:

- i. Memperuntukkan lot yang berasingan kepada waris perseorangan
- ii. Memperuntukkan lot berasingan kepada dua atau lebih waris sebagai pemilik bersama dengan perkongsian tidak dipecahkan
- iii. Tertakluk kepada undang-undang bertulis yang lain.

Manakala dalam seksyen 15(4) pula Pegawai Pentadbir Pusaka boleh bertindak dengan budi bicaranya bagi mengelakkan sebarang pecah bahagian yang berlebihan atau tanah lot yang kecil dipegang bersama oleh orang ramai, iaitu dengan cara mencagarkan tanah itu kepada waris utama untuk jumlah bahagian dan boleh mengarahkan supaya tanah itu dijual sebahagiannya. Walau bagaimanapun, dalam menggunakan budi bicaranya, PPP perlulah mengambil perhatian perkara-perkara yang dinyatakan dalam jadual pertama Akta 98 sebagai contoh pemecahan kepada beberapa lot boleh mengurangkan nilai harta pusaka keseluruhannya.

Kesimpulannya, dalam menjalankan budi bicara membahagikan harta pusaka si mati, perintah yang dibuat adalah tertakluk kepada tiga keadaan iaitu sama ada melantik Pemegang Amanah atau membahagikan harta si mati kepada ahli waris berdasarkan prosedur yang ditetapkan atau pun membuat perintah cagaran serta jualan UPPK menggunakan 3 kaedah pembahagian iaitu:

- i. Hukum syarak- Orang Islam
- ii. Akta Pembahagian 1958- Orang Bukan Islam
- iii. Secara muafakat jika semua waris bersetuju

Setelah prosedur-prosedur perbicaraan di atas dipenuhi seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 12(1)-(6) Akta 98 dan melaksanakan tugas-tugas PPP, serta membuat penentuan ke atas undang-undang yang terpakai dan menentukan pihak-pihak yang berhak serta kadar bahagian masing-masing, PPP hendaklah menguatkuasakan peruntukan undang-undang berikut:

- i. Hukum syarak (hukum faraid) bagi setiap orang yang beragama Islam. Ini bermakna, pembahagian akan dibuat berdasarkan kaedah faraid bagi harta pusaka yang melibatkan orang-orang Islam.
- ii. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam setiap negeri dalam masalah harta sepencarian.
- iii. Peruntukan seksyen 34, Jadual Ketiga Akta 98 yang dipakai bagi Pulau Pinang dan Melaka.
- iv. Enakmen Pegangan Adat, Bab 215 dan Enakmen Pegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 yang menentukan Pembahagian Tanah Adat di Negeri Sembilan. Jika si mati meninggalkan tanah di Daerah Jelebu, Kuala Pilah,

Rembau, Tampin dan Jempul dan ianya adalah ahli sesuatu suku di Negeri Sembilan, atau Alor Gajah dan Jasin di Melaka, pembahagian pusakanya adalah mengikut Bahagian III, Akta 98.

- v. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960- pembahagian bagi pegangan desa (rural holding) di bawah Akta ini tidak boleh dibuat kepada lebih dari seorang. Jika berlaku keadaan lebih dari seorang yang berhak dan pembahagian secara muafakat supaya pembahagian kepada seorang sahaja tidak dipersetujui, maka Pentadbir Tanah boleh menjual pegangan itu dan hasil jualan akan dibahagikan kepada pihak yang berhak.
- vi. Enakmen Rizab Melayu yang memperuntukkan bahawa penurunan milik hanya kepada orang Melayu sahaja, sedangkan menurut hukum syarak suami atau isteri yang bukan Melayu tetapi beragama Islam adalah ahli waris yang berhak.
- vii. Ordinan Pembahagian Pusaka 1958 yang menentukan pembahagian Pusaka bagi orang-orang Bukan Islam.

Perintah jualan tender dikeluarkan dalam keadaan tertentu mengikut peruntukan seksyen 15(4)(d) Akta 98. Perintah ini dibuat dengan cara menjual atau menawarkan kepada kalangan ahli-ahli waris yang hendak membeli tanah pusaka tersebut pada harga yang telah ditetapkan serta duit tersebut akan dibahagikan kepada waris-waris lain.

g) Rayuan

Sebarang rayuan terhadap perintah boleh dikemukakan melalui Penolong Pengarah Pusaka Kecil/ Pentadbir Tanah ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14

hari dari tarikh perintah jika terdapat ketidakpuasan hati oleh mana-mana pihak di atas perintah-perintah pembahagian atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah.⁷⁷ Pentadbir Tanah juga hendaklah merujuk kepada Mahkamah Tinggi bagi memutuskan sebarang persoalan berkaitan aspek perundangan dengan mengemukakan afidavit dan juga aksibit dalam Borang J.


h) Pendaftaran Perintah

Setelah perintah dikeluarkan sama ada oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi, bagi harta tak alih yang tidak ada rayuan dikemukakan atas perintah pembahagian yang dibuat, maka hak milik atau geran akan dikemukakan ke Pejabat Tanah bagi tujuan pendaftaran. Manakala bagi harta alih, perintah akan dikemukakan ke institusi berkaitan untuk membuat tuntutan. Sekiranya terdapat harta yang tertinggal di dalam permohonan awal, maka satu permohonan seterusnya boleh dibuat untuk dibicarakan semula.⁷⁸ Ringkasan aliran pembahagian dan pengurusan harta pusaka kecil di Daerah Pasir Mas, Kelantan seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut.

⁷⁷ Seksyen 29(10) Akta 98.

⁷⁸ Seksyen 17 Akta 98.

CARTA 2.1: ALIRAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL DI DAERAH PASIR MAS



Sumber: Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas

2.7 Kesimpulan

Ajaran Islam telah menetapkan kaedah pembahagian harta pusaka masyarakat Islam melalui Hukum Faraid. Kaedah yang ditetapkan oleh Agama Islam ini perlu diikuti dan dilaksanakan sekiranya terdapat pertikaian antara ahli waris yang terlibat dalam proses pembahagian harta pusaka. Walau bagaimanapun pembahagian harta pusaka melalui kaedah muafakat boleh diamal dan dilaksanakan sekiranya semua ahli waris menyatakan persetujuan mereka.

Kaedah muafakat ahli waris ini boleh juga dilaksanakan melalui konsep takharuj iaitu penarikan diri dari mengambil harta pusaka samada sebahagian atau keseluruhannya. Ianya tidaklah membelakangi hukum pusaka Islam, malah digalakkan dalam pembahagian harta pusaka kerana ianya tidak lari dari ruang lingkup hukum faraid. Ianya juga menggambarkan bahawa pembahagian harta pusaka adalah sebahagian daripada pemangkin sesebuah keluarga yang harmoni dan bahagia.

BAB KETIGA

ANALISIS KAJIAN

3.1 Pengenalan

Perbincangan dapatan kajian dalam bab ini adalah berdasarkan paparan dapatan yang diberikan hasil daripada penganalisaan data secara sistematik ke atas maklum balas yang diberikan oleh responden kajian. Data yang diperolehi daripada kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama; biodata responden dan kedua; pemahaman masyarakat terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya, dan faktor-faktor pemilihan kaedah permuafakatan ahli waris. Perbincangan meliputi dua bahagian utama iaitu berkaitan dengan hasil analisis secara deskriptif dan juga hasil analisis secara inferensi. Dalam bahagian pertama, perbincangan adalah berkaitan hasil analisis statistik deskriptif yang melibatkan peratusan bertujuan untuk menjelaskan profil responden dari segi umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan, aliran sekolah dan aliran pendidikan tertinggi. Manakala dalam bahagian kedua pula, perbincangan adalah berdasarkan kepada paparan hasil analisis inferensi iaitu khi kuasa dua (χ^2) dan Analisis Varians yang bertujuan untuk menguji hipotesis yang telah dibina dalam kajian ini.

3.2 Latar Belakang Responden

Sebanyak 300 kertas soal selidik telah diedarkan kepada responden. Daripada jumlah itu, sebanyak 201 kertas soal selidik yang lengkap berjaya dikumpulkan. Oleh itu, jumlah sampel dalam kajian ini ialah seramai 201 orang. Mereka terdiri daripada anggota masyarakat yang berada di dalam daerah Pasir Mas Kelantan. Dari segi jantina, seramai 105 orang (52.2%) terdiri daripada lelaki dan seramai 96 orang (47.8%) wanita seperti dalam Jadual 3.1. Sebilangan besar daripada responden adalah terdiri daripada mereka yang berumur 46 tahun ke atas iaitu seramai 119 orang (59.2%). Seramai 35 orang (17.4%) dari kalangan mereka yang berumur antara 36 hingga 45 tahun, 24 orang (11.9%) dan 23 orang (11.4%) dari kalangan mereka yang berumur 26 hingga 35 tahun dan 15 hingga 25 tahun.

Dari segi status perkahwinan, kebanyakan responden terdiri dari kalangan mereka yang telah berkahwin iaitu seramai 140 orang (69.7%), belum berkahwin seramai 33 orang (16.4%), janda seramai 20 orang (10%) dan duda seramai 8 orang (4%).

Dari segi tahap pendidikan pula, seramai 29 orang (14.4%) merupakan lepasan ijazah dan seorang (0.5%) lepasan diploma. Jumlah tertinggi ialah dari kalangan mereka yang mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah iaitu seramai 134 orang (66.7%). Manakala selebihnya adalah dari tahap sekolah rendah iaitu 31 orang (15.4%) dan tidak bersekolah seramai 6 orang (3%).

Dari segi pekerjaan, 87 orang (43.3%) dari kalangan mereka yang bekerja sendiri, 58 orang (28.9%) dari kalangan mereka yang tidak bekerja, 29 orang (14.4%) dari kalangan penjawat awam dan selebihnya dari kalangan pekerja swasta iaitu 27 orang (13.4%).

Dari segi pendapatan, kebanyakan responden adalah dari kalangan mereka yang tiada punca pendapatan iaitu seramai 59 orang (29.4%), diikuti mereka yang berpendapatan antara RM1001 – RM2000 iaitu seramai 53 orang (26.4%). Responden yang paling sedikit adalah mereka yang berpendapatan lebih daripada RM3001 iaitu seramai 10 orang (5%).

Jadual 3.1: Latar belakang Responden

Latarbelakang Responden		Jumlah (Peratus)	Total
Jantina	Lelaki	105 (52.2%)	201
	Perempuan	96 (47.8%)	
Umur	15-25	23 (11.4%)	201
	26-35	24 (11.9%)	
	36-45	35 (17.4%)	
	46 ke atas	119 (59.2%)	
Status	Bujang	33 (16.4%)	201
	Berkahwin	140 (69.7%)	
	Janda	20 (10%)	
	Duda	8 (4%)	
Tahap Pendidikan	Tidak Bersekolah	6 (3%)	201
	Sekolah Rendah	31 (15.4%)	
	Sekolah Menengah	134 (66.7%)	
	Diploma	1 (0.5%)	
	Ijazah	29 (14.4%)	
Pekerjaan	Sektor Kerajaan	29 (14.4%)	201
	Sektor Swasta	27 (13.4%)	
	Bekerja Sendiri	86 (42.8%)	
	Tidak Berkerja	59 (29.4%)	

Pendapatan	< RM500	8 (4%)	201
	RM500 – RM1000	43 (21.4%)	
	RM1001 – RM2000	53 (26.4%)	
	RM2001 – RM3000	28 (13.9%)	
	> RM3001	10 (5%)	
	Tiada Pendapatan	59 (29.4%)	

3.3 Keputusan Taburan frekuensi

3.3.1 Pemahaman Masyarakat Terhadap konsep Harta Pusaka Dan Pembahagiannya

Untuk melihat sejauh mana pemahaman masyarakat terhadap harta pusaka dan pembahagiannya, semua soalan di dalam soal selidik dicampurkan (*compute*).

Dengan itu, satu skor keseluruhan diperolehi. Daripada skor keseluruhan berkenaan, dapatlah ditentukan pemahaman tersebut berada dalam kelas yang mana di antara lima skala yang digunakan. Lima skala utama yang digunakan dalam kajian ini ialah: sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju, sangat setuju, sangat amat setuju.


Daripada 201 responden (N=201), didapati semua responden bersetuju dengan pembahagian harta pusaka. Dari segi tahap persetujuan, didapati jumlah sangat setuju merupakan bilangan yang terbesar iaitu seramai 151 orang (75.1%), diikuti dengan penyataan setuju iaitu 27 orang (13.4%) dan 23 orang (11.4%) menyatakan sangat amat setuju sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2: Pemahaman Masyarakat Terhadap Harta Pusaka dan Pembahagiannya

Tahap Persetujuan	Kekerapan	Peratus
Setuju	27	13.4
Sangat Setuju	151	75.1
Sangat Amat Setuju	23	11.4
Jumlah	201	100.0

Sumber : Analisis soal selidik
 Purata 43.94
 Purata item = 3.98

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati purata item yang diperolehi ialah 3.98 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2. Purata/peratus ini menunjukkan bahawa pemahaman responden terhadap harta pusaka dan pembahagian pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi sebagaimana yang digambarkan oleh skala berikut:



Setelah mengetahui pemahaman masyarakat terhadap konsep pembahagian harta pusaka dan pembahagiannya, maka analisis berikut akan melihat pemahaman masyarakat terhadap setiap konsep tersebut secara terperinci.

Analisis lanjut akan melihat secara lebih terperinci dan jelas bahawa semua kenyataan tersebut mencatatkan purata item pada tahap 3 ke atas sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Kaedah pembahagian harta pusaka secara muafakat boleh mempercepatkan proses penyelesaiannya merupakan pandangan yang paling tinggi iaitu pada skor purata 4.00 sebagaimana Jadual 3.3. Ini menunjukkan bahawa masyarakat menerima baik konsep pembahagian harta secara muafakat. Ianya juga disokong oleh kenyataan berhubung penentuan dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan muafakat dengan purata 3.99. Responden juga memberi pandangan bahawa harta pusaka wajib dibahagikan selepas berlakunya sesuatu kematian ke atas pemilik harta dengan skor purata 3.98 dan proses pembahagiannya perlu disegerakan (3.80). Responden juga bersetuju dengan kenyataan bahawa kelewatan dalam pembahagian harta pusaka menyebabkan berlakunya perbalahan antara waris-waris simati. Skor purata yang diperolehi adalah 3.35 dan faktor perbalahan itu berlaku disebabkan oleh ketidakpuasan terhadap pembahagian harta (3.43). Resopden berpandangan bahawa faraid adalah kaedah pilihan terakhir dalam pembahagian harta pusaka (3.02) dan kaedah pembahagian harta pusaka secara muafakat merupakan kaedah alternatif dalam pembahagian harta (3.92).

Jadual 3.3: Pemahaman Masyarakat Terhadap Item-item Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya⁷⁹

Perkara	Kekerapan					Purata
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Sangat Amat Setuju	
Harta pusaka adalah harta peninggalan simati	-	1 (0.5)	64 (31.8)	76 (37.8)	60 (29.9)	3.97
Wajib membahagikan harta pusaka selepas kematian	-	-	64 (31.8)	77 (38.3)	60 (29.9)	3.98
Perlu disegerakan pembahagian harta selepas kematian	1 (0.5)	3 (1.5)	81 (40.3)	67 (33.3)	49 (24.4)	3.80
Penglibatan dalam pembahagian harta pusaka adalah	1 (0.5)	-	70 (34.8)	73 (36.3)	57 (28.4)	3.92

⁷⁹ Angka yang terdapat dalam kurungan adalah peratus

tanggungjawab Muslim						
Pembahagian harta pusaka berdasarkan faraid	-	1 (0.5)	66 (32.8)	80 (39.8)	54 (26.9)	3.93
Pembahagian harta pusaka boleh dilakukan secara muafakat	-	-	65 (32.3)	76 (37.8)	60 (29.9)	3.98
Penentuan dalam pembahagian harta berdasarkan muafakat	-	1 (0.5)	59 (29.4)	82 (40.8)	59 (29.4)	3.99
Kaedah pembahagian harta pusaka boleh mempercepatkan proses penyelesaian	-	-	69 (34.3)	63 (31.3)	69 (34.3)	4.00
Kelewatan pembahagian menyebabkan perbalahan	11 (5.5)	31 (15.4)	78 (38.8)	38 (18.9)	43 (21.4)	3.35
Faktor perbalahan adalah ketidakpuasan pembahagian harta	7 (3.5)	33 (16.4)	71 (35.3)	47 (23.4)	43 (21.4)	3.43
Pembahagian secara muafakat adalah kaedah alternatif	-	-	66 (32.8)	85 (42.3)	50 (24.9)	3.92
Faraid adalah kaedah pilihan terakhir	16 (8.0%)	45 (22.4)	87 (43.3)	24 (11.9)	29 (14.4)	3.02

Sumber: Analisis Soal selidik

3.4 Analisis Khi Kuasa Dua (χ^2) dan Analisis Varians (ANOVA)

Bahagian ini menghuraikan aspek analisis yang berkaitan dengan pemahaman responden terhadap harta pusaka dan pembahagiannya mengikut latar belakang responden. Analisis yang dijalankan ini ialah analisis **perhubungan**; iaitu untuk melihat perhubungan antara latar belakang responden dengan pemahaman mereka terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya.

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada latar belakang responden mempengaruhi pemahaman mereka terhadap konsep harta pusaka dan konsep

pembahagiannya. Analisis ini akan melibatkan 2 bahagian utama iaitu konsep harta pusaka dan pembahagiannya serta faktor-faktor pemilihan kaedah secara muafakat. Analisis ini akan melalui dua peringkat. Peringkat pertama ialah untuk melihat secara dasar sama ada terdapat unsur perhubungan antara latarbelakang responden dengan konsep harta pusaka dan pembahagiannya. Sekiranya terdapat perhubungan pada tahap pengujian 0.05 (95% selang keyakinan), maka analisis peringkat kedua akan dilakukan iaitu analisis secara terperinci terhadap bentuk perhubungan. Oleh yang demikian, bagi pembolehubah-pembolehubah yang tidak mempunyai perhubungan yang signifikan, maka ia tidak akan dianalisis. Analisis peringkat kedua ini dapat memberikan gambaran tentang bentuk hubungan di antara item-item konsep harta pusaka dan pembahagiannya.

3.4.1 Hubungan antara Pemahaman Masyarakat Pasir Mas terhadap konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya Dengan Jantina, Umur, Status, Tahap Pendidikan, Pekerjaan dan Pendapatan.

Dalam bahagian ini, analisis akan tertumpu kepada hubungan antara pemahaman responden terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya mengikut latar belakang iaitu jantina, umur, status, tahap pendidikan, pekerjaan, dan pendapatan. Untuk mengetahui hubungan antara pemahaman masyarakat berkenaan konsep harta pusaka dan pembahagiannya dengan latar belakang, maka semua soalan yang dikemukakan di dalam soal selidik dicampurkan (*compute*). Ini bermakna semua soalan dalam keseluruhan bahagian dicampurkan (*compute*) menggunakan ujian analisis *crosstab*.

Daripada ujian χ^2 (Khi – Kuasa Dua), didapati bahawa dimensi umur dan status perkahwinan mempunyai hubungan bererti (signifikan) dengan pemahaman

responden terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya. Ini kerana daripada ujian statistik didapati bahawa latar belakang tersebut berada di bawah paras pengujian 0.05 (95% pada selang keyakinan). Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri latar belakang berkenaan mempunyai hubungan dengan pemahaman responden terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya. Sementara aspek jantina, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan didapati tidak mempunyai hubungan bererti kerana dari ujian χ^2 melebihi paras pengujian (95% selang keyakinan) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4 : Hubungan antara Pemahaman Masyarakat Pasir Mas terhadap Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya Dengan Jantina, Umur, Status, Tahap Pendidikan, Pekerjaan, dan Pendapatan

Latarbelakang Responden	Darjah Kebebasan	Nilai Pearson	Paras keertian	Signifikan
Jantina	2	0.480	0.542	Tidak
Umur	6	8.643	0.048	Ya
Status	6	12.731	0.010	Ya
Tahap Pendidikan	8	4.667	0.224	Tidak
Pekerjaan	6	5.493	0.392	Tidak
Pendapatan	10	10.113	0.098	Tidak

Sumber: Analisis Soal selidik

Paras Keertian : $p < .05$

3.5 Faktor-faktor Pemilihan Kaedah Secara Muafakat Ahli Waris

Analisis ke atas semua soalan dalam aspek faktor-faktor pemilihan kaedah muafakat ini, jadual 3.5 menunjukkan bahawa daripada 201 responden ($N=201$), tidak ada satu pun responden yang tidak bersetuju dengan faktor-faktor pemilihan kaedah secara muafakat ahli waris. Seramai 30 orang (14.9%) menyatakan persetujuan mereka. Manakala bilangan tertinggi iaitu 168 orang (83.6%) menyatakan sangat setuju dan yang menyatakan sangat amat setuju pula seramai 3 orang (1.5%).

Daripada jadual 3.5 di bawah juga, didapati secara keseluruhan mata purata dicatatkan ialah 3.87 iaitu 77.4%. Bacaan purata ini dengan jelas menunjukkan pandangan masyarakat yang positif terhadap pemilihan kaedah secara muafakat ahli waris.

Jadual 3.5 : Tahap Persetujuan Pemilihan Kaedah Muafakat Ahli Waris

Tahap Persetujuan	Purata Item	Peratus
Setuju	30	14.9
Sangat Setuju	168	83.6
Sangat Amat Setuju	3	1.5

Apabila merujuk kepada faktor-faktor pemilihan kaedah secara muafakat ahli waris secara satu persatu (Jadual 3.6), item “Pemilihan kaedah muafakat ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor senang untuk diagihkan dan dikendalikan”, purata yang diperolehi ialah 4.00. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju memilih faktor yang memberikan kemudahan dalam pengendalian dan pengagihan harta pusaka dan ianya tidak merumitkan. Item kedua yang tertinggi ialah item “Pemilihan kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor ingin membantu waris-waris yang memerlukan”. Purata yang diperolehi ialah 3.99. Ini menunjukkan bahawa responden akan memilih faktor yang dapat membantu waris-waris yang susah dan yang memerlukan. Walaupun kebanyakan purata item melebihi paras 3, terdapat juga purata item yang kurang daripada 3. Purata item yang kurang daripada 3 ini menunjukkan pandangan negatif responden terhadap soalan yang dikemukakan.

Antaranya ialah item “Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana dipaksa oleh ahli keluarga dengan purata yang diperolehi ialah 1.51. Begitu juga dengan item “Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana tidak berpuashati dengan faraid” dan item “pemilihan kaedah muafakat adalah kerana takut dipulau oleh ahli keluarga”. Purata yang diperolehi ialah 1.52 dan 1.58 masing-masing. Ini menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju memilih kaedah secara muafakat disebabkan oleh paksaan ahli keluarga atau takut dipulau sedangkan mereka memilih kaedah secara muafakat adalah untuk kebajikan.

Jadual 3.6: Faktor-faktor Pemilihan Kaedah Permuafakatan Ahli Waris⁸⁰

Perkara	Kekerapan					Purata
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Amat Sangat Setuju	
Pemilihan kaedah muafakat adalah untuk kebajikan	-	6 (3.0)	70 (34.8)	80 (39.8)	45 (22.4)	3.82
Pemilihan kaedah muafakat adalah untuk membantu waris	6 (3.0)	10 (5.0)	45 (22.4)	60 (29.9)	80 (39.8)	3.99
Pemilihan kaedah muafakat adalah berdasarkan kasih sayang	8 (4.0)	25 (12.4)	72 (35.8)	62 (30.8)	34 (16.9)	3.44
Pemilihan kaedah muafakat adalah berdasarkan majoriti	32 (15.9)	68 (33.8)	58 (28.9)	22 (10.9)	21 (10.4)	2.66
Pemilihan kaedah muafakat adalah berdasarkan ekonomi	65 (32.3)	126 (62.7)	7 (3.5)	1 (0.5)	2 (1.0)	1.75
Pemilihan kaedah muafakat adalah berdasarkan faktor nilai harta yang kecil	3 (1.5)	34 (16.9)	92 (45.8)	49 (24.4)	23 (11.4)	3.27
Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana senang untuk diagih	-	2 (1.0)	59 (29.4)	77 (38.3)	63 (31.3)	4.00
Pemilihan kaedah muafakat adalah tidak mahu berlaku nama pemilik yang ramai	1 (0.5)	4 (2.0)	92 (45.8)	59 (29.4)	45 (22.4)	3.71
Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana mangambil masa yang cepat	2 (1.0)	1 (0.5)	70 (34.8)	68 (33.8)	60 (29.9)	3.91

⁸⁰ Angka yang terdapat dalam kurungan adalah peratus

Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana dipaksa oleh ahli keluarga	100 (49.8)	99 (49.3)	2 (1.30)	-	-	1.51
Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana takut dipulau oleh keluarga	90 (44.8)	107 (53.2)	3 (1.5)	-	1 (0.5)	1.58
Pemilihan kaedah muafakat adalah kerana tidak berpuashati dengan faraid	101 (50.2)	96 (47.8)	3 (1.5)	1 (0.5)	-	1.52

Sumber: Analisis Soal selidik

BAB KEEMPAT

RUMUSAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan ringkasan kajian dan rumusan. Dalam ringkasan kajian, penulis akan memaparkan secara ringkas rasional dan latar belakang kajian, tujuan serta prosedur penganalisaan data. Seterusnya, penulis akan merumuskan dapatan kajian secara menyeluruh.

4.2 Ringkasan Kajian

Ringkasan hasil kajian dibuat berdasarkan objektif kajian yang dijelaskan dalam bab 1. Terdapat empat objektif utama iaitu mengenalpasti proses dan prosedur yang perlu diikuti dalam urusan pembahagian harta pusaka kecil di Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas Kelantan, mengukur sejauh mana tahap pemahaman masyarakat Islam Daerah Pasir Mas tentang konsep harta pusaka dan pembahagiannya, mengkaji sama ada wujud atau tidak hubungan yang signifikan antara pemahaman masyarakat Islam Daerah Pasir Mas terhadap harta pusaka serta pembahagiannya dengan latar belakang mereka, dan mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mendorong masyarakat Islam Daerah Pasir Mas memilih pembahagian harta pusaka secara muafakat.

Kajian yang dijalankan ini berbentuk tinjauan. Data-data dikumpulkan melalui temubual dan soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian. Soalan bahagian A berbentuk nomina. Soalan bahagian B dan C berbentuk nisbah yang terdiri daripada 12 item masing-masing. Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan profil responden dan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah.

Sampel terdiri daripada 201 masyarakat Islam di Daerah Pasir Mas dan kebanyakannya adalah lelaki dan berumur 46 tahun ke atas. Kebanyakan responden juga terdiri dari kalangan mereka yang tiada punca pendapatan. Untuk mencapai objektif kajian ini, sebanyak tiga hipotesis telah dibina. Analisis frekuensi dan Khi Kuasa dua digunakan bagi menguji kesemua hipotesis ini.

4.3 Tahap Pemahaman Masyarakat Terhadap Harta Pusaka dan Pembahagiannya.

Dalam penyelidikan tinjauan, tumpuan telah diberikan khusus kepada aspek pemahaman masyarakat di Daerah Pasir Mas terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya. Hasil daripada kajian dan analisis dibuat, maka dinyatakan rumusan-rumusan berikut:

- i) Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati para responden bersetuju dengan konsep harta pusaka dan pembahagiannya di mana purata item dicatatkan hampir tahap empat iaitu 3.98. Peratus ini menunjukkan bahawa pemahaman responden terhadap harta pusaka dan pembahagiannya berada pada tahap yang tinggi.

ii) Analisis secara terperinci ke atas setiap item menunjukkan tahap pemahaman masyarakat yang tinggi terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya. Terdapat empat item yang mendapat persetujuan 100 peratus daripada responden. Item yang pertama berkenaan dengan perbahagian harta pusaka selepas daripada berlakunya sesuatu kematian adalah sesuatu yang wajib. Item kedua berkenaan dengan pembahagian harta pusaka juga boleh dilakukan melalui kaedah secara muafakat sekiranya semua ahli waris setuju. Manakala item yang ketiga berkenaan dengan kaedah pembahagian harta pusaka boleh mempercepatkan proses penyelesaian dan item yang keempat adalah berkenaan dengan pembahagian secara muafakat adalah kaedah alternatif.

4.4 Hubungan antara Tahap Pemahaman Masyarakat Terhadap Konsep Harta Pusaka dan Pembahagiannya dengan Latar Belakang Responden

Melalui ujian Khi-Kuasa Dua yang dijalankan, didapati tahap pemahaman masyarakat terhadap konsep harta pusaka dan pembahagiannya mempunyai hubungan yang signifikan dengan latar belakang umur dan status perkahwinan sahaja. Melalui ujian statistik menunjukkan latar belakang berkenaan berada di bawah paras 0.05 atau 95% aras keyakinan. Rumusan dan kesimpulan yang diperolehi adalah seperti berikut:

- i) Latar belakang jantina, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan tidak mempunyai hubungan dengan tahap pemahaman masyarakat terhadap harta pusaka dan pembahagiannya kerana paras bacaan bagi latarbelakang tersebut adalah pada 0.542, 0.224, 0.392 dan 0.098 masing-masing iaitu melebihi paras pengujian 0.05 atau 95% aras keyakinan.

- ii) Latar belakang umur dan status mempunyai hubungan dengan tahap pemahaman masyarakat terhadap harta pusaka dan pembahagiannya kerana daripada ujian statistik didapati bahawa latarbelakang tersebut di bawah paras pengujian 0.05 (95% aras keyakinan).

4.5 Faktor-Faktor Pemilihan Kaedah Secara Muafakat Ahli Waris

Kajian mendapati, pembahagian harta pusaka orang Islam di Unit Pembahagian Pusaka Daerah Pasir Mas secara amalannya adalah berdasarkan pembahagian secara muafakat dan perundingan antara ahli waris yang terlibat setelah hak masing-masing mengikut faraid dimaklum. Hasil daripada kajian, dinyatakan rumusan-rumusan berikut:

- i) Responden memilih kaedah secara muafakat adalah kerana ianya senang untuk diagihkan (99%) dan proses pembahagian harta mengambil masa yang cepat (98.5%). Pemilihan kaedah muafakat juga adalah disebabkan timbulnya perasaan kasih sayang antara mereka (83.6%).
- ii) Responden bersetuju bahawa pemilihan kaedah muafakat adalah untuk membantu waris (92%). Walau bagaimanapun, mereka tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa pemilihan kaedah muafakat adalah kerana dipaksa oleh ahli keluarga (98.7%) dan takut dipulau oleh ahli keluarga (98%).

4.6 Kesimpulan

Kajian ini dibuat untuk melihat dan mengukur sejauh mana pemahaman masyarakat Islam di daerah Pasir Mas terhadap konsep harta pusaka dan kaedah pembahagiannya. Secara umumnya, hasil kajian mendapati peratusan tahap pemahaman masyarakat Islam terhadap konsep harta pusaka dan kaedah pembahagiannya amat tinggi iaitu menghampiri 100 peratus.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Jalil bin Borhan (1993), *Sejarah Perundangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Amal.
- Abdul Rashid Hj. Abdul Latif (2007), *Undang-undang Pusaka dalam Islam: Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Hidayah.
- Abdul Kadir Ismail (1983), *Pusaka di dalam Undang-undang Moden*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdul Kadir Ismail (1993), *Sistem Pusaka Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob dan Mohd Fauzi Mustafa (1999), *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah (1989), *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Abū Zuhrah, Muḥammad (1963), *Aḥkām al-Tarīkh wa al-Mawārith*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Ahmad Hidayat Buang (2005), *Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia*, dalam Ahmad Buang (ed.), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim (1991), *al-Ahkam: Undang-undang Harta dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1995), *The Malaysia Legal System*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim & Abdul Monir Yaacob (1997), *Administration of Islamic Law*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1976), *The Distribution of Estates According to Shafii Law*, Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Administration of Islamic Law In Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (2000), *The Administration of Islamic Law in Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Alias Muhammad (1977), *Intelejensia Melayu Kelantan*, Kota Bharu: Nawi Book Store.
- Al-Shiddieqy, M. Hasbi, T (1975), *Falsafah Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang

Al-Syīrāzī (1959), *al-Mudhadhab fī fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 2, c.2, Beirut : Dār al-Ma‘rifat li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr.

Al-Zuhaili, Wahbah (2011), *Hukum Harta dan Pusaka Ilmu Faraid*, Abdul Rahman Mohd Adil (terj), Johor Bahru: Pustaka Azhar.

Baghāwī, Abū Muḥammad al-Ḥussayn bin Maṣ‘ūd bin Muḥammad al-farrā (t.t), *al-Taḥzīb fī fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 5: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Bluman, A.G (1997), *Elementary Statistics: A Step by Step Approach*, Boston: McGraw-Hill.

Jurjānī, ‘Ali bin Muḥammad al-Syarīf al- (1969), *al-Ta‘rīfāt*, Beirut: Ṣahab Riyād al-Sulh.

Kamus dewan (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Levin, R.I & Rubin, D.S (2000), *Statistik untuk Pengurusan*, Susila Munisamy & Halimah Awang (terj), Petaling Jaya: Prentice Hall.

Lohman Brooks, R.S (1995), *Statistics in the Behavioral Sciences: Conceptual Introduction*, Pacific Grove: Cole Publishing Company.

Mahmud Saedon Awang Othman (1990), *Qadi: Perlantikan Perlucutan dan Bidang Kuasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Majlis Ugama Islam Selangor, Selangor,
http://www.muis.gov.sg/services/faraid/faraid_1.asp, 10 Mei 2010.

Mimi Kamariah Majid (1992), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*: Butterworth Asia.

Mohamed Suhaimi Mostapar (2008), “Metode Pengajian Fiqh di Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan” (Disertasi Sarjana Syariah, Akedami Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Ridzuan Awang (1998), *Undang-undang Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Rahmaniah.

Mohd Ridzuan Awang (1998), *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Ridzuan Awang (2002), *Pentadbiran Harta Pusaka di Mahkamah Syariah, siri 4, Isu Syariah dan Undang-undang*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Ridzuan Awang (2008), *Isu-isu Keadilan dalam Pengagihan Pusaka*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Zubir Awang (1992), *Penjelasan Isu-isu Agama dan Politik: Pengertian Negara Islam dan Negara Kafir*, Terengganu: Jabatan Kemajuan Agama Negeri.

Musa Fathullah Harun (1994), *Masalah Wasiat dan Faraid*. Universiti Teknologi Malaysia: Unit Penerbitan Akademik.

Nailah bt Yusof (1997), “Kedudukan Waris Orang Islam dalam Pentadbir Pusaka di Malaysia” (Disertasi Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Runyon, R.P & Andrey, H (1988), *Fundamental of Behavioral Statistics*, New York: Random House.

Şâbûnî, Muhammed ‘Alî al-(1989), *al-Mawâarith fi al-syari‘ah al-Islâmiyyah fî Daw‘î al-Kitâb wa al-Sunnah*, Damsyik: Dâr al-Qalam.

Salleh Buang (1992), *Malaysia Legal History: Cases and Materials*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sayid Sabiq (1991), *Fikih Sunnah: Pengadilan/ Warisan*, Masyhur H. Kahar (terj.) Jakarta: Penerbit Kalam Mulia.

Teuku Iskandar (1990), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohamed Wan Mustapha, “Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam”, (Kertas Kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan pada 4-5 Jun 1983 di UKM, Bangi).

Zainal Abidin Safarwan (1984), *Kamus Sinonim Lengkap dengan Rangkai Kata*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Zaydân, Abd al-Karîm (1986), *al-Madkhal li Dirâsah al-Syari‘ah al-Islâmiyyah*, Beriût: Mu’assasah al-Risalâh.

Zuhaylî, Wahbah Mustaffâ al-(1986), *Uṣûl al-Fiqh al-Islâmi*, Beirût: Dâr al-Fikr.

TEMU BUAL

Cik Sariha Bt. Yusuff, Pembantu Tadbir Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan. Temu bual Pada 26 Oktober 2010, Jam 4.30 Petang.

Pn. Che Esah Bt.Che Soh, Pembantu Tadbir Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan. Temu bual pada 28 Ogos 2010, Jam 3.30 petang.

Pn. Nurul Hidayah Bt. Mohd Kamil, Pembantu Tadbir Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan. Temu bual pada 23 september 2010, Jam 4.00 petang.

Pn. Salehah Bt.Awang , Penolong Pengarah Unit Penyelesaian Pusaka Daerah Pasir Mas, Kelantan. Temu bual pada 23 Ogos 2010, Jam 3.00 petang.

AKTA

Akta Harta Pusaka Kecil 1955 (Pembahagian), Akta 98 dan Peraturan-peraturan.

Akta Probet Dan Pentadbiran Pusaka 1959 (Akta 97).

Akta Tanah (Kawasan Berkelompok) 1960 (No.13/1960).

LAMPIRAN

SOAL SELIDIK

Tujuan soal selidik ini dijalankan untuk mengkaji pemahaman masyarakat terhadap pembahagian harta pusaka secara muafakat di kalangan masyarakat daerah Pasir Mas Kelantan. Kajian penyelidikan bergantung kepada maklumbalas daripada masyarakat Pasir Mas. Oleh itu, kami sangat mengharapkan kerjasama daripada pihak tuan/puan untuk menjawab soal selidik ini dengan lengkap. **SEGALA MAKLUMAT ADALAH RAHSIA DAN HANYA AKAN DIGUNAKAN BAGI TUJUAN AKADEMI.**

MOHD LUTFI OMAR
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR
Telefon: 012-9591657

BAHAGIAN A

LATAR BELAKANG

1. Nyatakan Jantina anda
 - a) Lelaki
 - b) Perempuan
2. Nyatakan umur anda
 - a) 15-25
 - b) 26-35
 - c) 36-45
 - d) 46 Ke atas
3. Nyatakan taraf perkahwinan anda
 - a) Bujang
 - b) Berkahwin
 - c) Janda
 - d) Duda
4. Nyatakan tahap pendidikan anda
 - a) Tidak bersekolah
 - b) Sekolah Rendah
 - c) Sekolah Menengah
 - d) Diploma
 - e) Ijazah
 - f) Lain-lain.....(Sila nyatakan)
5. Nyatakan pekerjaan anda
 - a) Sektor Kerajaan
 - b) Sektor Swasta
 - c) Bekerja sendiri
6. Nyatakan pendapatan anda
 - a) Bawah RM500
 - b) RM500-RM1000
 - c) RM1001-RM2000
 - d) RM2001-RM3000
 - e) RM3001 dan ke atas

BAHAGIAN B

Soalan-soalan di bawah berkenaan dengan konsep harta pusaka dan pembahagiannya. **Tiada jawapan betul atau salah. Anda dikehendaki menjawab dengan tepat.** Gunakan skala di bawah untuk menjawab soalan.

1 2 3 4 5
Sangat tidak setuju Tidak Setuju Setuju Sangat Setuju Sangat Amat Setuju

KONSEP HARTA PUSAKA DAN PEMBAHAGIANNYA

1. "Harta Pusaka" menurut pandangan anda ialah harta peninggalan simati.

1 2 3 4 5

2. Pembahagian harta pusaka selepas daripada berlakunya sesuatu kematian adalah sesuatu yang wajib.

1 2 3 4 5

3. Pembahagian harta pusaka selepas daripada berlakunya sesuatu kematian adalah sesuatu yang perlu disegerakan.

1 2 3 4 5

4. Melibatkan diri dalam pembahagian harta pusaka adalah tanggungjawab orang Islam.

1 2 3 4 5

5. Islam telah menetapkan pembahagian harta pusaka setelah berlakunya sesuatu kematian adalah berdasarkan hukum Faraid.

1 2 3 4 5

6. Pembahagian harta pusaka boleh juga dilakukan melalui permuafakatan ahli waris sekiranya semua ahli waris bersetuju.

1 2 3 4 5

7. Penentuan anda dalam pembahagian harta pusaka berdasarkan kaedah muafakat.

1 2 3 4 5

8. Anda memilih kaedah pembahagian harta pusaka yang boleh mempercepatkan proses penyelesaiannya.

1 2 3 4 5

9. Kelewatan dalam pembahagian harta pusaka boleh menyebabkan berlakunya perbalahan ahli waris.

1 2 3 4 5

10. Salah satu faktor perbalahan/pertelingkahan ahli keluarga adalah disebabkan ketidakpuasan hati dalam pembahagian harta pusaka.

1 2 3 4 5

11. Pembahagian secara muafakat ahli waris adalah kaedah alternatif dalam pembahagian harta pusaka.

1 2 3 4 5

12. Faraid adalah kaedah pilihan yang terakhir dalam pembahagian harta pusaka.

1 2 3 4 5

BAHAGIAN C

Soalan-soalan di bawah berkenaan dengan faktor-faktor pemilihan kaedah permuafakatan ahli waris. **Tiada jawapan betul atau salah. Anda dikehendaki menjawab dengan tepat.** Gunakan skala di bawah untuk menjawab soalan.

1 2 3 4 5
Sangat tidak setuju Tidak Setuju Setuju Sangat Setuju Sangat Amat Setuju

FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN KAEDAH PERMUAFAKATAN AHLI WARIS

1. Anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor untuk membuat kebijakan.

1 2 3 4 5

2. Anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor ingin membantu waris-waris yang memerlukan.

1 2 3 4 5

3. Penentuan anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor kasih sayang.

1 2 3 4 5

4. Penentuan anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor majoriti ahli waris yang memilih kaedah tersebut.

1 2 3 4 5

5. Penentuan anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor ekonomi sudah stabil.

1 2 3 4 5

6. Penentuan anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor nilai harta yang kecil.

1 2 3 4 5

7. Penentuan anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah berdasarkan faktor senang untuk diagih dan dikendalikan harta tersebut.

1 2 3 4 5

8. Anda memilih kaedah maufakat antara waris dalam pembahagian harta pusaka adalah kerana tidak mahu barlaku nama pemilik yang ramai di atas satu-satu tanah atau harta tidak alih.
- 1 2 3 4 5
9. Penentuan anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah kerana ianya mengambil masa yang cepat untuk diselesaikan.
- 1 2 3 4 5
10. Anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris dalam pembahagian harta pusaka adalah kerana dipaksa oleh ahli keluarga.
- 1 2 3 4 5
11. Anda memilih kaedah permuafakatan ahli waris adalah kerana takut dipulaukan oleh keluarga.
- 1 2 3 4 5
12. Anda memilih kaedah muafakat ahli waris dalam pembahagian harta pusaka disebabkan tidak berpuas hati dengan kaedah Faraid.
- 1 2 3 4 5